

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU

Foto: AFIQ HAMBALI/Pejabat Perdana Menteri



Malaysia: Kebangkitan Harimau Asia

Permainan tradisi di tengah kota

▶▶ 7

Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya

▶▶ 9 - 11

Mural estetik penuh sejarah

▶▶ 12 - 13

KKM siap siaga hadapi kebarangkalian ancaman penyakit X di masa hadapan

SYED HAZIQUE

MENTERI Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa menyatakan Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa berwaspada bagi menghadapi kebarangkalian pandemik yang bakal terjadi di masa hadapan seperti ancaman terbaharu penyakit X.

Menurut beliau, pihak KKM sentiasa membuat penyiapan rapi dalam menangani sebarang wabak yang membahayakan selain amaran daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Ia dinamakan penyakit X kerana kita masih belum mengenal pasti penyakit apa, walau bagaimanapun pihak KKM sentiasa bersedia dengan segala kemungkinan. Semasa saya menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di New York, isu

penyakit X ini tidak dibincangkan antara Menteri Kesihatan lain.

"Kita ada pemantauan dan pengawasan jika ada apa-apa kemungkinan penyakit baharu yang mungkin boleh menyebabkan pandemik pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Projek Kompleks Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur (HKL), pada Isnin.

Terdahulu, media melaporkan, WHO melaporkan wujud kebimbangan kemunculan penyakit X yang berisiko menjadi pandemik dan mengancam nyawa dan populasi manusia.

Istilah Penyakit X digunakan WHO pada 2018, merujuk kepada agen penyakit baharu, sama ada ia virus, bakteria ataupun fungus dan belum mempunyai vaksin.

Justeru, WHO menyarankan penyediaan segera vaksin sebagai tindak balas cepat selepas dunia berada pada situasi tidak bersedia ketika menghadapi COVID-19 pada awal 2020.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata beliau berharap KKM akan perolehi peruntukan yang lebih tinggi pada Belanjawan 2024 berbanding Belanjawan tahun lepas bagi membolehkan lebih banyak inisiatif untuk kesejahteraan rakyat dilaksanakan.

"Kalau boleh kita nak peruntukan lebih daripada tahun ini kerana banyak perkara yang perlu dilaksanakan."

"Kita ada 436 klinik daif yang sudah dikemukakan untuk ditambah baik malah pada tahun depan ada lebih 300 klinik lagi perlu ditambah baik. Bagi yang lain, untuk Skim Perubatan Madani dan ada lagi peruntukan lain," ujarnya. **WK**



ZALIHA ketika Majlis Penyerahan Projek Kompleks Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur (HKL), pada Isnin.

'Biar betul!', Segmen tangkis berita palsu ke udara di RTM mulai Oktober

MULAI 1 Oktober, segmen khas 'Biar Betul!' akan ke udara di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai usaha menangkis penyebaran berita palsu dan fitnah dalam kalangan masyarakat, kata Menteri Komunikasi dan Digital, **Fahmi Fadzil**.

Fahmi berkata segmen yang berdurasi kurang daripada seminit itu akan disiarkan setiap hari selepas slot Berita KANTA 744 di TV1 (7.44 malam) dan saluran Berita RTM serta diulang siar menerusi semua platform media sosial RTM termasuk Radio RTM.

"Inisiatif ini merupakan kerjasama portal *Sebenarnya.my* seliaan Suruhanjaya Komunikasi

dan Multimedia (MCMC) dan MyCheck Malaysia seliaan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang berperanan menangkis berita palsu dan fitnah melalui pelbagai platform media," katanya pada sidang media pada Rabu.

Memetik sebuah video tular baru-baru ini mengenai caj klinik kesihatan yang didakwa dinaikkan antara RM10 hingga RM15, Fahmi berkata video berkenaan telah mencecah 2.8 juta tontonan dan ia menunjukkan fitnah yang tersebar itu mampu meracuni fikiran rakyat dengan begitu pantas.

"Jadi selain daripada iktihar 'Biar Betul!', saya bersama timbalan (Teo Nie Ching)

dan Ketua Setiausaha, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa, ada beberapa perancangan termasuk meneruskan perbincangan kami dengan pihak penyedia perkhidmatan seperti Meta, TikTok dan Telegram untuk pastikan kerjasama yang diberikan erat dengan pihak berkuasa lain seperti polis.

"Ini antara usaha untuk pastikan bahan-bahan bersifat fitnah dan tidak betul dikekang daripada tular," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan aduan jika menerima sebarang maklumat meragukan menerusi portal <https://aduan.mcmc.gov.my/>, talian **1800-188-030** atau *WhatsApp* ke **016-220 6262**. - **BERNAMA**



FAHMI (kanan) melihat logo selepas sidang media mengenai segmen 'Biar Betul!' di kementerianya pada Rabu.

Selamat Datang
YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim

Ikhlas Daripada
 DARIPADA SELURUH KELUARGA KERJA
WilayahKu

MALAYSIA MADANI
 YWP
 YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Delegasi UNGA ke-78 merupakan satu kejayaan gilang-gemilang

SYED HAZIQUE

HARI bersejarah tercipta apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengetuai delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78.

Ia dilihat sebagai satu kejayaan oleh kesemua delegasi Malaysia bagi mengembangkan serta membuka mata ramai pihak dalam pelbagai sudut sosialis mahupun ekonomi negara.

Malah gelaran 'Harimau Asia' yang pernah disandang Malaysia pada suatu ketika dahulu dijangka mampu dibawa kembali di bawah Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

Gelaran itu diberi susulan kerana pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan juga kestabilan politik kemudian dilanda pelbagai krisis politik, salah guna kuasa dan rasuah.

Tema perbahasan umum tahun ini ialah *Rebuilding trust and reigniting global solidarity: Accelerating action on the 2030 Agenda and its Sustainable Development Goals (SDG) towards peace, prosperity, progress and sustainability for all* (Membina semula kepercayaan dan menghidupkan semula perpaduan global: Mempercepatkan tindakan Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) ke arah keamanan, kemakmuran, kemajuan dan kemampunan untuk semua).

Pelbagai isu yang dibangkitkan Perdana Menteri semasa memberi ucapan di UNGA di hadapan kesemua pembesar-pembesar negara.



ANWAR ketika menyampaikan Kenyataan Negara di UNGA di New York baru-baru ini.

Anwar berkata lawatan empat hari beliau ke AS berjaya menentang pendirian Malaysia berhubung isu global dan meningkatkan profil negara di persada antarabangsa.

Menurut beliau, lawatan itu memberi memberi peluang untuk berkongsi dasar dan aspirasi negara terkait hubungan antarabangsa.

"Lawatan itu memberi hasil yang baik, ternyata profil antarabangsa kita telah meningkat.

"Lanjutan pertemuan dengan rakan-rakan sejawat, saya berpeluang berkongsi pengalaman serta bertukar pendapat dalam isu-isu global dan berkepentingan bersama," kata beliau.

Ucapan yang disampaikan oleh

Perdana Menteri, memperlihatkan keberanian Malaysia mengkritik kuasa besar dunia dalam perkembangan politik antarabangsa.

Beliau mengutuk sekilas-kerasnya pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Konflik di Ukraine sebagai contoh, menggariskan keharusan untuk berdamai dan menyelesaikan perbezaan secara baik melalui rundingan.

Selain itu, beliau juga menimbulkan kebimbangan akibat langsung konflik tersebut yang menyebabkan harga bahan makanan asasi dunia seperti jagung dan gandum melambung dan terbaharu beras semakin tinggi harganya di peringkat global.

Berkenaan isu Palestin, Perdana Menteri mengulangi ketegasan Malaysia sejak puluhan tahun lalu yang mahu konflik berkenaan diselesaikan secara mengiktiraf Palestin sebagai negara merdeka.

"Di Timur Tengah, politik perampasan berterusan dengan lebih banyak penempatan haram dibina (pendatang Yahudi), melucutkan tanah rakyat Palestin yang menjadi hak milik mereka.

"Ini merupakan pelanggaran berat undang-undang antarabangsa. Ia juga menimbulkan halangan yang tidak dapat diatasi kepada penyelesaian dua negara, apatah lagi pembunuhan berterusan," katanya.

Anwar turut membangkitkan perkara yang sering ditutupi oleh kuasa besar China dan Rusia mengenai penindasan sekutu mereka, junta tentera Myanmar terhadap orang awam yang menyebabkan melimpahnya pelarian ke negara negara jiran Myanmar termasuk Malaysia.

"Kami terkejut dengan keganasan dan ketidakstabilan pasca rampasan kuasa yang berterusan di Myanmar. Ini merupakan antara cabaran strategik dan kemanusiaan terbesar di Asia Tenggara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kebiasaan dan kekejaman yang ditimpakan kepada rakyat Myanmar tidak dapat dipertahankan, dan bertentangan dengan nilai serta prinsip yang dikongsi oleh rakyat di rantau ini dan di peringkat global.

"Sokongan masyarakat antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, adalah penting untuk mendesak secara berterusan dan mengekalkan tekanan yang diperlukan ke atas pihak

berkuasa tentera untuk mengubah hala tuju mereka," katanya.

Dalam pada itu, antara isu besar yang dinyatakan Anwar adalah mengenai penindasan terhadap agama Islam dalam arus Islamofobia dengan melabelkannya sebagai 'bentuk baru perkauman' yang dicirikan oleh xenofobia, profil negatif dan stereotaip terhadap umat Islam.

"Ini dimanifestasikan dalam trend kebencian, sikap tidak bertoleransi, dan tindakan keganasan yang membimbangkan terhadap umat Islam dan kesucian mereka.

"Kami terkejut dengan pembelaan hak asasi manusia yang lemah. Pembakaran Al-Quran tidak lain hanyalah tindakan Islamofobia yang jelas bertujuan untuk menimbulkan kebencian.

"Tidak bertindak dalam menghadapi provokasi terang-terangan terhadap agama adalah tidak bertanggungjawab dan menghantar mesej berbahaya kepada manusia," katanya.

Justeru, Anwar menyarankan masyarakat dunia agar menerapkan nilai-nilai penerimaan, toleransi dan saling menghormati, menggalakkan persefahaman dan kerjasama antara budaya, antara tamadun dan agama.

Pada masa sama, Anwar berkata usaha menarik lebih banyak pelaburan dan perdagangan ke Malaysia terus membuahkan hasil melalui pertemuan dengan beberapa syarikat gergasi AS.

Anwar telah mengadakan pertemuan dan berinteraksi bersama 15 syarikat terkemuka AS yang tersenarai dalam Fortune 500 termasuk Airbnb, Amazon, Amazon Web Services, Boeing, ConocoPhillips dan Kimberly-Clark di Harvard Club. WK

Lawatan kerja PM ke New York potensi besar tingkat ekonomi negara

SYED HAZIQUE & HAZIRAH HALIM

LAWATAN kerja empat hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke New York, Amerika Syarikat (AS) berjaya membuahkan hasil melalui usaha menarik lebih banyak pelaburan dan perdagangan ke Malaysia.

Penglibatan aktif Malaysia pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 juga adalah langkah terbaik untuk menggariskan komitmen Malaysia dalam menentang isu-isu penting kepada negara di platform pelbagai hala.

Berkongsi pandangan mengenainya, Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Nur Syazwani Mazlan** berkata lawatan tersebut adalah satu peluang terbaik dan potensi besar dalam meningkatkan ekonomi negara sekali gus mempromosikan Malaysia kepada pelabur asing dan mengukuhkan hubungan



NUR SYAZWANI AZMI

perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara lain.

"Pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain di New York juga secara tidak langsung membuka peluang kepada beliau mengadakan sesi perbincangan bagi menggalakkan kerjasama serta mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan negara-negara luar.

"Masih terlalu awal untuk menyatakan kesan spesifik lawatan Perdana Menteri ke New York terhadap ekonomi negara dan hubungan perdagangan serta pelaburan antara negara ASEAN dan negara-negara luar. Bagaimanapun,

lawatan itu merupakan peluang penting buat Malaysia untuk mempromosikan dan mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negara luar," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Selasa.

Tambah Syazwani, langkah Anwar memperkenalkan pentadbiran Malaysia MADANI dalam ucapannya di perhimpunan berkenaan juga dilihat berpotensi untuk menarik pelabur asing dan kembali bangkit sebagai sebuah ekonomi dinamik.

"Negara mempunyai sumber yang diperlukan dan tenaga kerja berkelayakan, selain mempunyai dasar seperti Ekonomi MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) untuk mendukung matlamat ini.

"Ia adalah inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh UNGA dan ia berpotensi untuk menarik pelabur asing meskipun pentadbiran Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI masih di peringkat awal

pembangunan," jelasnya.

Menurut Syazwani, Kerajaan Perpaduan yang dibawa oleh Anwar juga dilihat mengukuhkan ekonomi negara misalnya kerajaan telah mengambil langkah untuk menambah baik iklim pelaburan selain kerajaan juga komited untuk meningkatkan defisit bajet dan meningkatkan penarafan kredit negara.

"Kedudukan semasa ekonomi negara berada pada kedudukan yang baik di mana kerajaan telah pun membuat pemantauan rapi terhadap kadar inflasi dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan impak kepada rakyat selain memperkenalkan subsidi ke atas barangan keperluan tertentu termasuk menaikkan gaji minimum.

"Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh ekonomi negara seperti peningkatan kos sara hidup dan kelembapan ekonomi global namun Kerajaan Perpaduan terus komited untuk menangani cabaran ini

dan memastikan ekonomi terus berkembang dan makmur," katanya.

Dalam pada itu, penganalisis politik dan pakar geostrategis, **Profesor Madya Dr Azmi Hassan** berkata Perdana Menteri berjaya menentang profil antarabangsa Malaysia ke peringkat dunia.

Katanya, ketegasan penyampaian Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi impak yang besar.

"Hasil daripada lawatan ini, memberi impak yang besar serta positif buat negara Malaysia di mata negara-negara lain.

"Ucapan Anwar yang menyindir negara kuasa-kuasa besar yang berkumpul semasa perhimpunan jelas menunjukkan keutuhan keperibadian beliau untuk mengangkat negara ke tahap yang tertinggi," katanya.

Malah, menurut Dr Azmi, Perdana Menteri juga bijak menangani keadaan di dalam sesi soal jawab menunjukkan kebijaksanaan serta kepekaan pemimpin negara itu terhadap isu-isu yang sensitif. WK

Fahami maksud khutbah, jangan sewenang-wenang dipolitikkan

MENJADI kebanggaan rakyat Malaysia apabila Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi penghormatan menyampaikan khutbah Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam New York (ICCNY), baru-baru ini.

Malah, beliau merupakan pemimpin asing pertama yang menyampaikan khutbah Jumaat di masjid pertama yang dibuka di New York pada 25 September 1995.

Di sebalik sejarah yang dilakar oleh beliau terdapat suara-suara sumbang yang mengatakan ia bukanlah khutbah namun hanya ceramah politik yang disampaikan di hadapan lebih 800 jemaah yang hadir.

Namun sepatutnya sebelum melemparkan tuduhan dan fitnah sebegitu, pihak-pihak tersebut perlu memahami terlebih dahulu apa yang dimaksudkan dengan khutbah itu sendiri.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, khutbah (pidato, syarahan) biasanya mengandungi ajaran atau nasihat keagamaan sebelum mendirikan sembahyang Jumaat. Jemaah duduk bersila mendengar khutbah yang disampaikan.

Jelas di sini ketika menyampaikan syarahan tersebut, reaksi jemaah di ICCNY dilihat mendengar dengan



ANWAR ketika menyampaikan khutbah Jumaat di hadapan lebih 800 jemaah.

penyentuh dan mereka memberi maklum balas teruja dengan apa yang disampaikan oleh Anwar.

Antara intipatinya, PM berkongsi pengalaman Malaysia dalam menguruskan masyarakat berbilang kaum dan agama.

"Kami sentiasa cuba menggalakkan persefahaman, toleransi dan keperluan untuk memahami budaya dan agama orang lain. Ia penting bagi kami untuk hidup rukun damai dan harmoni," kata beliau.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata umat Islam perlu mengukuhkan perpaduan sesama

mereka, serta memperoleh maklumat dan pengetahuan.

Anwar turut mengambil kesempatan untuk menjelaskan konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkannya di Malaysia serta ancaman Islamofobia di seluruh dunia.

"Apabila kejadian membakar Al-Quran berlaku, Malaysia mencetak satu juta naskhah Al-Quran untuk diedarkan ke seluruh dunia. Malah, kami hantar 15,000 naskhah ke Sweden supaya mereka dapat melihat dan memahami dan bukan bergaduh kerana jahil," kata beliau.

Malah, sebelum ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pernah mengeluarkan kenyataan bahawa garis panduan teks khutbah Jumaat adalah berkisarkan masalah semasa terutama isu berbangkit.

Jadi, rasanya tiada isu yang perlu diperbesar-besarkan kerana kita semua sedia maklum Imam ICCNY, Saad Jalloh berkata ia merupakan detik bersejarah bagi pusat itu yang menerima kehadiran Anwar dan rombongannya.

Dalam masa yang sama, menurutnya Perdana Menteri merupakan pemimpin pertama yang melawat masjid berkenaan.

Tidak terhenti di situ, Anwar juga turut diberi peluang mengislamkan seorang lelaki yang bernama Andrew Vinals sejurus menyampaikan khutbah Jumaat di ICCNY.

Difahamkan beliau yang ketika itu baru sahaja ingin melangkah keluar dari dewan solat diminta oleh komuniti di sana untuk menyempurnakan pengislaman lelaki tersebut.

Biarpun sibuk menggalas tanggungjawab berat sebagai seorang Perdana Menteri, namun ia tidaklah menghalang Anwar menjalankan tanggungjawab sebagai seorang yang beragama Islam. **WK**

JPJ laksana operasi khas, bukan mahu menyusahkan rakyat

BARU-BARU ini tular dalam media sosial info berkenaan operasi khas ke atas kenderaan persendirian yang akan dijalankan secara besar-besaran pada bulan Oktober.

Ekoran itu, timbul pula fitnah daripada pihak tidak bertanggungjawab yang menuduh semua agensi penguat kuasa dikerah oleh kerajaan untuk menyusahkan rakyat. Tak masuk akal!

Ternyata, berita palsu tersebut begitu mudah tersebar dan dipercayai ramai sedangkan ia bukanlah berasal daripada sumber yang sahih. Biarpun di zaman serba canggih namun mentaliti sesetengah pihak masih di tahap yang kurang 'cerdik'.

Sedangkan operasi khas atau Sekatan Jalan Raya (SJR) dilakukan demi mendidik rakyat agar mengutamakan keselamatan di jalan raya.

Sebenarnya, masih ramai dalam kalangan masyarakat yang kurang kesedaran sivik tentang peri pentingnya mematuhi peraturan jalan raya. Tidak kiralah ada operasi ataupun tidak kita sebagai pengguna jalan raya perlu sentiasa berhati-hati dan mematuhi segala arahan yang ditetapkan.

Jangan kerana ego kita, nyawa orang lain yang melayang. Wilayahku percaya pihak bertanggungjawab



JPJ sentiasa berusaha mendidik pengguna jalan raya untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

hanya ingin mendidik dan memastikan masyarakat tidak memandang enteng akan peraturan yang telah ditetapkan kerajaan.

Apakah perlu menunggu nyawa ahli keluarga tersayang melayang dahulu baru kita perlu akui apa yang dilakukan pihak berkuasa betul dan bukan menyusahkan seperti yang dicanang.

Terbaharu, tular video kemalangan sebuah treler muatan batu pasir yang merempuh 14 buah kenderaan di Putrajaya, sehingga

boleh mengundang bahaya kepada keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

"Operasi khas itu akan diketuai oleh pengarah-pengarah JPJ setiap negeri, Ibu Pejabat JPJ khususnya Bahagian Penguat Kuasa turut diarah untuk memantau operasi ini secara rapi dan mengemukakan laporan lengkap tentang operasi itu kepada Pengurusan tertinggi JPJ dan juga Kementerian Pengangkutan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas operasi penguatkuasaan JPJ di Plaza Tol Awan Besar, baru-baru ini.

Terdahulu, dalam kemalangan yang melibatkan sebuah treler merempuh 14 kenderaan itu menyebabkan dua penunggang motosikal maut, manakala tujuh cedera selepas sebuah treler muatan batu pasir merempuh 14 kenderaan termasuk motosikal anggota polis trafik di KM5.7 Jalan Persiaran Utara menghala Puchong.

Beliau berkata laporan Pemeriksaan Audit Keselamatan berkaitan kemalangan itu akan diserahkan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk tindakan selanjutnya.

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa memberi kerjasama kepada JPJ agar keselamatan pengguna jalan raya terus menjadi keutamaan dengan sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. **WK**



AEDY FADLI

MENARIK DI WILAYAHKU

KUALA LUMPUR

31/8-30/9/23: Pameran Evolusi Mata Wang @ Muzium Negara

29-1/10/23: Pesta Kopi Extended 2023 @ Piazza Level 3, Pavilion Bukit Jalil

10/7-30/9/23: Pufferfish as Ornamental Fish @ AquariaKLCC

30/09/23: Konsert Tiba Masa...Zainal Abidin @ Istana Budaya

21/9-1/10/23: Demonstrasi Sains @ Pusat Sains Negara

7/10/23: Hiking with Rapid KL @ Bukit Kemensah

14/10/23: Pentas Seni Merdeka @ Dataran Merdeka

PUTRAJAYA

27/9-3/10/23: Pantai Timur Food Festival 2023 @ Anjung Floria

28/9/23: Sambutan Maulidul Rasul Dataran Gemilang & PICC

28/9-1/10/23: Festival Budaya Putrajaya @ Dataran Putrajaya

30/9/23: National Explorace: Edisi Batik @ Astaka Wawasan

28/9-1/10/23: Konsert Mega Dikir Barat & Rebana @ Dataran Putrajaya

6-8/10/23: Karnival Mega Lestari Alam @ Anjung Floria

13-15/10/23: Hari Sukan Negara @ Dataran Putrajaya

14/10/23: Singgah Seni 4 @ Dataran Putrajaya

21-22/10/23: Putrajaya Aquafest 2023 @ KOSA Presint 6

LABUAN

29/09-1/10/23: Borneo Arts Festival 2023 @ Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Labuan

29/09-3/10/23: Karnival Rugby Labuan ke-21 & aktiviti rugby @ Dataran Labuan & Padang Perbadanan

Oktober 2023: Kejohanan Silat Tanding & Seni Usia Dini Terbuka Labuan @ Dewan Arena Labuan

1/10/23: Pertandingan Memancing @ Pantai Tiara

14/10/23: Hari Sukan Negara @ Kompleks Sukan Laut Labuan

15/10/23: Tour de Labuan @ Desa Tunas Hijau Labuan

28/10/23: Karnival Kesihatan Mental @ Dewan Arena Labuan

Kerangka Madani cerdasaskan ekonomi negara

AZLAN ZAMBRY

BANYAK negara masih mengalami trauma ekonomi akibat pandemik COVID-19. Pelan pemulihan yang tidak sekata telah menyaksikan jurang perbezaan antara negara kaya dan miskin sangat ketara. Ia juga dapat dilihat melalui kelas masyarakat dalam negara di mana jumlah miskin bandar meningkat dengan ketara pasca krisis berkenaan.

Penyusutan nilai mata wang ringgit berbanding Dolar Amerika (AS) menyebabkan harga barangan semakin meningkat serta gangguan terhadap rantaian bekalan sekali gus menyebabkan permintaan melebihi bekalan membabitkan banyak barangan dan sektor perkhidmatan telah menyumbang kepada kemelut berkenaan.

Ketidakstabilan politik dalam negara ketika itu memburukkan lagi keadaan. Pelaburan berkurangan dan banyak perniagaan yang gulung tikar menyebabkan ekonomi negara hampir lumpuh dan meningkatkan jumlah pengangguran dalam negara.

Menyedari hakikat itu, tiada jalan lain selain daripada kestabilan politik. Melalui pembentukan Kerajaan Perpaduan pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) pada November 2022, ia telah merintis denai-denai yang penuh onak duri demi memastikan pemulihan ekonomi menjadi teras utama serta dalam masa yang sama mengeluarkan negara dari kemelut politik dan ekonomi agar rakyat dapat bernafas dengan lebih baik daripada sebelumnya.

Sama seperti sesetengah pesakit COVID-19 yang sedang bergelut untuk pulih melalui simptom yang berpanjangan, begitu juga dengan pemulihan ekonomi negara kita. Satu pendekatan yang lebih berani dan jelas mesti dilaksanakan agar dapat mengurangkan risiko lain yang turut terkait dengan rantaian ekonomi.

EKONOMI MADANI, MEMPERKASAKAN RAKYAT

MENYEDARI pentingnya penyusunan semula ekonomi negara pasca pandemik, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Agenda Ekonomi Madani pada 27 Julai lalu yang menggariskan dua tonggak utama iaitu menstruktur semula ekonomi dengan tekad menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia sebagai jaminan keadilan sosial.

Polisi yang dicanai ini merupakan sebuah aspirasi yang menasar untuk Menaikkan Siling dengan tekad untuk menstruktur semula ekonomi agar negara dapat mengecapi lebih kekayaan demi menjadikan Malaysia sebuah ekonomi yang lebih global dan kompleks dan pada masa sama menjamin sekuriti serta kemampuan model ekonomi negara.

Manakala untuk Menaikkan



ANWAR (tengah) menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara pelabur dari negara China dengan syarikat Malaysia dalam lawatannya ke Ekspo Nanning baru-baru ini.

Lantai, adalah demi memastikan keadilan sosial dapat ditegakkan di samping kekayaan negara dapat dikongsi bersama dengan lebih saksama. Ia termasuk mewujudkan peluang pekerjaan yang dapat menjamin taraf hidup yang lebih baik berbanding kini serta memberi peluang sama rata bagi semua lapisan masyarakat untuk berjuang demi kejayaan bermakna.

Ekonomi Madani antara lain akan memastikan perkhidmatan bertaraf dunia dengan mengutamakan usaha menambah baik kualiti pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan infrastruktur asas bagi rakyat di bandar dan desa berasaskan nilai-nilai Madani yang digagaskan oleh Perdana Menteri.

Bagi memastikan Ekonomi Madani berada di landasan yang betul, Anwar yang juga Menteri Kewangan telah meletakkan tujuh penanda aras utama yang diyakini dapat melonjakkan potensi ekonomi negara termasuklah mensasarkan kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia serta meletakkan kedudukan di tangga 12 teratas dunia dalam Indeks Daya Saing Global.

Selain itu, kerajaan menyasarkan peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan serta meningkatkan sehingga 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh sekali gus menyasarkan peningkatan Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia dan memperbaiki Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia dan Kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.

Berpaksikan kepada situasi semasa dan berhadapan dengan persaingan terbuka, Pelan Induk Industri Baharu (NIMP) 2030 dilancarkan bagi menggembelng

ikhtiar demi mencerdaskan semula sektor pembuatan dengan memastikan negara kekal berdaya tahan di tengah-tengah cabaran yang semakin meningkat.

Pelan ini direka yang antara lain bertujuan mewujudkan persekitaran mesra pelaburan selain dengan pesat menerima guna teknologi untuk meningkatkan ekosistem sektor pembuatan dilihat mampu untuk memacu Malaysia sebagai peneraju global dalam pembangunan perindustrian.

Dasar dan pembaharuan pelan ekonomi ini mulai mencuri perhatian pelabur asing. Buktinya, Malaysia telah menerima komitmen pelaburan yang tinggi daripada beberapa negara termasuklah China, Jerman, Arab Saudi, Brunei, Singapura dan terbaharu Kumpulan

Alton, entiti perniagaan yang berpangkalan di Amerika Syarikat menyatakan komitmen pelaburan sebanyak RM2 bilion dalam tempoh tujuh tahun serta sebuah lagi syarikat yang tidak dapat namakan akan melabur sejumlah besar di Pulau Pinang.

Malah, sewaktu kunjungan Perdana Menteri ke Persidangan Tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78, beliau yang diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa telah membuat beberapa pertemuan dengan beberapa firma

pelaburan antaranya kumpulan Fortune 500.

Tengku Zafrul menyifatkan bahawa polisi ekonomi yang diamalkan petadbiran ini dilihat mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan menarik dan ini dibuktikan dengan kelulusan pelaburan sebanyak RM132.6 bilion atau 60.3 peratus untuk separuh tahun pertama 2023 daripada sasaran tahunan MITI.

Pakar Ekonomi, Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali turut bersetuju bahawa Naratif Ekonomi Madani menjadi panduan dan hala tuju pembangunan ekonomi negara serta menggesa masyarakat mesti bersama menyokong dasar dan inisiatif yang dirancang kerajaan untuk pembangunan negara, bukan kerana parti politik. **WIK**



KAWASAN Perindustrian Bebas Bayan Lepas di Pulau Pinang yang mula dibuka pada tahun 1972 menempatkan banyak syarikat antarabangsa yang beroperasi dari awal penubuhan zon sehingga kini. - Gambar hiasan

Kamarulzaman seru hayati enam nilai teras Malaysia MADANI

HAZIRAH HALIM

SELURUH warga Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disaran memahami dan menghayati enam nilai teras utama gagasan Malaysia MADANI yang menggariskan kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata bagi mencapai hasrat tersebut, semua warga jabatan berkenaan perlu menyemai sikap bersedia untuk menerima perubahan bagi mempertingkatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti. "Jabatan Penguatkuasaan DBKL merupakan jabatan yang sentiasa dijadikan sebagai rujukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain. Generasi muda merupakan pelapis masa hadapan Jabatan Penguatkuasaan khasnya dan DBKL amnya.

"Harapan saya agar jabatan ini terus mengekalkan kualiti perkhidmatan yang terbaik, berhemah dan berintegriti selain berharap jabatan ini akan kekal bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan yang lain di Kuala Lumpur bagi mewujudkan satu rangkaian komuniti kerja yang harmoni dan boleh bekerjasama pada bila-bila masa," tegasnya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Penguatkuasa ke-54 DBKL yang berlangsung di Menara Penguatkuasa DBKL pada Rabu.

Dalam pada itu, Kamarulzaman turut berterima kasih atas segala khidmat dan jasa bakti yang diberikan di samping mengucapkan Selamat Menyambut Hari Penguatkuasa yang ke-54



KAMARULZAMAN (tengah) menganugerahkan pingat kepada salah seorang pegawai DBKL pada Majlis Sambutan Hari Penguatkuasa 2023.

DBKL kepada seluruh warga kerja jabatan berkenaan.

Terdahulu, Sambutan Hari Penguatkuasa yang ke-54 telah diadakan pada 27 September bertempat di Menara Penguatkuasa DBKL dengan bertema 'Warga Penguatkuasa dan Masyarakat Bersama Menyayangi Kuala Lumpur'.

Sambutan turut dimeriahkan dengan penganjuran Hari Terbuka Jabatan Penguatkuasaan yang menyajikan pelbagai aktiviti seperti pertunjukan kawad, pameran aset-aset jabatan, semakan dan tawaran kompaun termasuk kunjungan daripada beberapa buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur bagi memberi pendedahan kepada para pelajar untuk men-

dalami dan mendekati fungsi dan peranan PBT dalam melahirkan rasa kebertanggungjawaban bersama.

Bersempena dengan sambutan kali ke-54 ini juga, seramai 35 orang pegawai dan kakitangan termasuk jabatan dalaman DBKL telah dianugerahkan pelbagai pingat seperti Tokoh Penguat Kuasa, Pingat Khidmat Terpilih Kelas I, II dan III, Pingat Khidmat Bakti Kelas I dan II serta Anugerah Khas Perkhidmatan di mana ia merupakan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

Penerima Tokoh Penguatkuasa, **Ahmad Fuad Mahmud** menyifatkan anugerah ini adalah penghargaan bermakna buatnya meskipun telah bersara daripada Jabatan Penguatkuasaan DBKL pada April lalu.

"Saya mula berkhidmat dengan unit Jabatan Penguatkuasa DBKL

pada 1983 sehingga April lalu. Banyak pengalaman manis dan cabaran dalam tugas yang dilalui di sini. Saya masuk di DBKL bermula dengan rekrut anggota biasa dan sehingga pangkat yang terakhir sebelum bersara, Timbalan Penguatkuasa Kanan, Jabatan Penguatkuasa DBKL.

"Alhamdulillah syukur, terima kasih DBKL, Jabatan Penguatkuasaan serta panel pemilihan kerana menganugerahkan pingat ini kepada saya. Saya tidak menjangka akan menerima anugerah ini kerana sudah lima bulan bersara.

"Saya harap seluruh anggota termasuk pegawai dapat menjadi contoh kepada masyarakat, mampu bekerja dalam satu pasukan selain melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan sebaiknya," katanya yang juga pernah menerima dua anugerah pingat di Istana Negara pada 2019 dan 2020. **WK**



AHMAD FUAD

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial *Wilayahku*.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi **Wartawan Komuniti (WK)** *Wilayahku*.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Kaki lima PPR jadi stor

LAGI kisah penghuni flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur. Kali ini mengenai sikap segelintir penghuni yang menjadikan laluan kaki lima juga bilik 'riser' api seperti milik sendiri. Pelbagai barang peribadi dalam pelbagai bentuk dan saiz diletakkan sehingga menghalang pergerakan.

Sebelum ini sudah banyak dipaparkan kisah penghuni PPR dan PA. Misalnya tidak menjaga kebersihan dan tidak menjaga harta benda awam kegunaan bersama di kediaman mereka. Sampah dibuang sesuka hati di sekitar kawasan mengotorkan persekitaran.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai masih ingat peristiwa membuang kerusi dari tingkat atas di sebuah PPR. Kerusi menimpa seorang remaja yang kebetulan lalu di bawah, mengakibatkan kematian orang tidak berdosa.

Kemudahan awam seperti lif juga sering kali sengaja dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Misalnya butang lif

dikopak dan wayar dicabut. Akibat perbuatan vandalisme ini lif tidak dapat digunakan sehingga menyusahkan penghuni sendiri, khususnya pada waktu kecemasan.

Ini belum termasuk menconteng badan lif dengan pelbagai tulisan dan lukisan yang ada di antaranya menjolok mata. Juga perangai mengotorkan lif dengan sampah atau kotoran lain.

Tidak semua melakukan perbuatan tidak senonoh ini. Tetapi kerana perbuatan segelintir menyebabkan kesusahan kepada ramai. Walaupun diperbaiki, tidak lama lif rosak kembali. Banyak wang ringgit dibelanjakan untuk memperbaiki kerosakan. Tetapi kesedaran sivik segelintir penghuni amat mengecewakan sehingga kerosakan sering berulang.

Kini timbul pula kes menghalang laluan kaki lima dan bilik 'riser' api di PPR dan PA. Perbuatan ini terang-terang menyerlahkan sikap tidak bertanggungjawab serta tidak menghormati jiran lain. Barang-barang tersebut menyebabkan pergerakan penghuni terhalang, selain menyakitkan mata memandang.

Seolah-olah kaki lima menjadi tempat pengumpulan sampah atau barang terpakai. Bagi yang membuat halangan, mungkin tidak merasa apa-apa. Tetapi bagi yang lain tentu menyakitkan hati. Sudahlah laluan

terhalang, barang yang diletak menyemakkan persekitaran.

Kawan-kawan Kedai Kopi anggap sikap penghuni yang tidak sensitif ini sebagai orang yang tamak, hanya mementingkan diri sendiri. Kaki lima di PPR atau PA adalah laluan awam milik semua penghuni kerana bagi setiap tingkat terdapat banyak unit kediaman.

Kerana itu amat tidak wajar bagi penghuni 'memilik sendiri' laluan tanpa pedulikan orang lain. Mereka sepatutnya memahami rukun kehidupan di PPR dan PA. Yang mengabaikan keharmonian dan semangat kejiranan sewajarnya diambil tindakan keras demi kesejahteraan semua.

Perkara ini penting diberi perhatian kerana keadaan tersebut lama-kelamaan boleh menimbulkan kemarahan penghuni sehingga boleh menyebabkan pergaduhan. Akibatnya tentu buruk, termasuk boleh mendatangkan kecenderaan. Hubungan sesama jiran renggang atau terputus.

Dalam hubungan ini, kawan-kawan Kedai Kopi memuji tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang menjalankan 'Operasi Pindah Halangan' bertujuan membersihkan kaki lima PPR dan PA daripada sebarang bentuk halangan.

Notis seminggu diberi sebelum operasi.

Mereka yang tetap degil enggan memindahkan barang yang menjadi halangan, menyaksikan barangan mereka dirampas dan dilupuskan. Antara operasi terbaharu dilancarkan oleh DBKL ialah di PPR Pekan Kepong dan Batu Muda.

Pelbagai barang dirampas dalam operasi tersebut. Antaranya almari, kerusi kayu, meja plastik boleh lipat, rangka katil, tempat kasut dan perabot lama.

Meneliti barang yang dirampas jelas menampakkan kaki lima atau 'riser' PPR dan PA dijadikan stor menyimpan barang. Jika ia barang lama yang tidak lagi digunakan, kenapa tidak dibuang sahaja daripada dibiar menyemakkan persekitaran?

Kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan, perbuatan melakukan halangan adalah melanggar Undang-Undang Kecil Perumahan Awam tahun 2000. Pesalah boleh dikenakan kompaun maksimum sehingga RM2,000 atau penjara enam bulan.

Difahamkan DBKL akan meneruskan operasi di PPR dan PA di seluruh ibu negara yang di dalam bidang kuasa DBKL. Diharap ini akan menjadi ingatan dan amaran kepada penghuni agar menjaga keharmonian dan kesejahteraan kawasan kediaman mereka. Sediakah untuk didenda atau dipenjara?

Permainan tradisi di tengah kota



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SAYA antara mereka yang dilahirkan dan dibesarkan di kampung sebelum meneruskan kembara menjadi warga Kuala Lumpur. Biarpun kehidupan di kampung tertutup daripada permodenan, tetapi saya dan rakan sebaya begitu kreatif mengisi usia kanak-kanak hingga remaja dengan permainan tradisi.

Kami mahir dengan banyak permainan tradisi yang diturunkan daripada generasi sebelumnya. Kami menjadi penyambung sekali gus melestarikan dalam masyarakat yang belum dirempuh kemodenan. Permainan itu menjadikan pemainnya kreatif, bergerak dan mempertajam pemikiran matematik.

Bahan-bahan permainan dimanfaatkan dengan percuma daripada alam seperti tumbuh-tumbuhan dan batu-batan. Sebenarnya sesetengah daripada permainan itu sememangnya dicipta menggunakan hukum-hukum sains terutama fizik. Misalnya kearifan mengukur kelajuan peluru lastik dan jarak sasaran.

Sementara permainan lain seperti congkak dan batu seremban pula membina strategi berfikir dengan kepantasan membuat keputusan. Malah menjadi salah satu kaedah mewujudkan serta menggalakkan pertautan dan silang sosial antara satu dengan yang lain.

Bagaimanapun permainan tradisi seperti galah panjang, congkak, tarik pih pinang, kalang biji gajus dan banyak lagi sudah pupus. Tidak lagi menjadi kegiatan sosial kanak-kanak, termasuk yang hidup di kampung. Mereka terdedah dengan permainan elektronik dan digital yang boleh diakses di telefon pintar.

Tentulah suatu yang merugikan sekiranya warisan tradisi yang berkait rapat dengan alam kehidupan budaya itu pupus ditinggal zaman. Malah seolah-olah semua yang bersifat tradisi terpaksa mengakui hakikat ditinggalkan zaman apabila melangkah ke era yang lebih moden.

Sekalipun begitu pihak yang ada kesedaran tentang pelestarian permainan tradisi itu perlu menongkah arus - mengangkat kembali yang hampir pupus itu kepada generasi semasa. Sudah tentu tanda aras kejayaan bukanlah yang bersifat material, sebaliknya di sudut sosial.

Kita realistik dengan keadaan



SENI permainan tradisi yang dimiliki oleh orang Melayu dan juga kaum-kaum lain di negara ini mempunyai nilai yang tinggi di sudut pembangunan manusia di sesebuah negara. - Gambar hiasan

semasa, tentu sekali permainan itu tidak mungkin menjadi popular seperti dulu. Akan tetapi dalam konteks pelestarian budaya, usaha seperti itu mampu mengangkat seni dan budaya di sebalik permainan tradisi untuk tatapan generasi hari ini.

Baru-baru ini ketika berada di Dataran Merdeka, saya segera terimbau zaman kanak-kanak yang pernah dilalui dulu. Banyak permainan tradisi yang menjadi pengisi fragmen usia kanak-kanak menjelma kembali di depan mata. Seperti tidak percaya di tengah-tengah Kuala Lumpur pun ada permainan tradisi orang kampung.

Program Festival Permainan Malaysia yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu menjadi suatu yang sangat bermakna. Bukan sahaja kepada yang mengenali permainan itu, tetapi juga kepada generasi baharu.

Program tiga hari bermula 15 hingga 17 September itu merupakan usaha yang tepat dalam konteks pelestarian seni dan budaya. Permainan tradisi antara yang memancarkan seni dan pemikiran budaya generasi yang silam. Permainan itu tidak sahaja mengisi masa kanak-kanak, malah mendekati mereka dengan alam kehidupan.

Malah bukan sahaja untuk kanak-kanak, tetapi juga kepada golongan dewasa. Misalnya permainan galah panjang, sepak raga, congkak, sumpit dan panah.

Semua permainan itu sangat memerlukan kecekapan yang seni. Masa yang sama menjadi wahana keakraban sosial dalam kalangan masyarakat.

Program tahunan itu merupakan kali yang kelapan dan Kuala Lumpur menjadi lokasinya. Ini satu usaha berterusan oleh JKKN dan DBKL dan lebih menarik lagi ia menjadi program dalam kalendar pelancongan budaya. Nilai-nilai seni dan budaya dalam permainan tradisi itu teranjak melintas garis zaman dan sosialnya.

Festival seperti itu sebenarnya menawarkan nilai tambah pada sektor pelancongan. Apa lagi menjadi festival tahunan yang memberi peluang kepada pelancong. Sama ada pelancong yang secara kebetulan berada di Kuala Lumpur atau sememangnya merancang menyaksikan keunikan seni permainan tradisi itu.

Permainan tradisi adalah seni warisan yang mesti dipelihara dan bergilir ganti sejak zaman yang silam. Semua permainan mencerminkan kekayaan budaya, sejarah dan nilai-nilai kehidupan khususnya orang Melayu. Malah tidak sekadar menjadi permainan, tetapi juga menerapkan kehidupan yang berbudaya.

Permainan tradisi orang Melayu boleh dibahagikan pada beberapa kategori antaranya permainan luar dan dalam rumah. Permainan secara solo dan juga berkumpul. Permainan luar dilakukan di ruang terbuka dan memerlukan kecekapan dan daya tahan fizikal. Misalnya sepak raga bulatan, konda kondi, galah panjang dan beberapa lagi.

Permainan dalam rumah adalah yang biasanya dimainkan dalam batas rumah atau kawasan yang tertutup. Permainan itu berkait rapat dengan strategi dan kemahiran mental, memupuk perkembangan kognitif dan kebolehan penyelesaian masalah. Misalnya congkak, batu seremban dan dam aji.

Penganjuran festival itu bertepatan dengan keperluan untuk mengangkat Kuala Lumpur sebagai salah sebuah ibu kota yang ternama di dunia. Keunikan seni tradisi dan budaya memberi nilai yang tinggi pada Kuala Lumpur - tidak sahaja di sudut fizikal malah sosialnya. Hal itu kerana di mana-mana ibu kota sekalipun pembangunan diukur di sudut prasarana dan nilai-nilai kehidupan masyarakat.

Seni permainan tradisi yang dimiliki oleh orang Melayu dan juga kaum-kaum lain di negara ini mempunyai nilai yang tinggi di sudut pembangunan manusia di sesebuah negara. Semua yang bersifat tradisi berkait rapat dengan nilai-nilai yang dianuti oleh masyarakat.

Festival itu kelihatan mencapai kematapan, sekalipun begitu sentiasa diberikan penambahbaikan pada setiap kali penganjurannya. Barangkali boleh mengemukakan lebih banyak seni permainan tradisi yang masih belum diangkat semula pada era moden ini.

Pada dekad 1960-an, di kampung-kampung seluruh negara, sepak raga misalnya menjadi alat yang mengakrabkan anak-anak muda. Sepak raga adalah satu permainan tradisi yang menguji

kecekapan dan seni menyepak serta menanduk bola rotan yang keras itu.

Tidak semua orang boleh bermain sepak raga. Ia sangat menuntut kecekapan yang seni. Apabila seseorang itu boleh bermain sepak raga bulatan, maknanya dia telah memenuhi keperluan menjadi seorang pemain sepak raga. Memang boleh cuba-cuba akan tetapi nikmatnya sepak raga adalah apabila menjadi sebahagian daripada ahli bulatan itu.

Untuk penganjuran yang akan datang, tentu boleh diselitkan pertandingan sepak raga bulatan sebagai satu acara yang utama dalam Festival Permainan Malaysia. Secara tidak langsung akan melahirkan beberapa pasukan sepak raga bulatan dalam kalangan warga kota - Kuala Lumpur dan Lembah Kelang pada peringkat awalnya.

Kesimpulannya festival seperti itu perlu dijadikan sebagai salah satu jenama pelancongan khususnya di Kuala Lumpur. Barangkali kepada orang tempatan tidak terlalu unik, bagaimanapun kepada pelancong luar itu suatu yang luar biasa. Festival Permainan Malaysia itu juga membuktikan kerjasama yang kukuh antara JKKN Wilayah Persekutuan dengan DBKL.

Malah pihak korporat perlu terus dilibatkan dalam festival yang membolehkan mereka menyumbangkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Kerjasama dalam program seni dan budaya seperti itu menyumbang pada pembangunan manusia di sebalik kerancangan ekonominya.



ENGAU SEBUTIR FANA

*Seperti boomerang
Yang kenal tuan
Segala berbalik kepada asal*

*Seperti matahari
Yang keluar dan pulang
Tahu jam untuk jaga dan lelap*

*Seperti awan
Yang menghirup wap
Mengembali hujan ke lautan*

*Engkau sebutir fana
Di singgahsana
Berubah debu, disirnakkan angin*

SARAH ROSS
Melaka.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



WADAH, YWP tingkat kemahiran, pengetahuan asas keibubapaan

HAZIRAH HALIM

BENGKEL O.S.E.M yang dianjurkan oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) bersama IIT East & Southeast Asia dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) baru-baru ini merupakan platform untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran asas ibu bapa serta penjaga terhadap proses pengasuhan anak-anak.

EXCO Wadah yang juga merupakan Penyelaras Modul Keibubapaan O.S.E.M, **Maria Kamel** berkata program ini diilhamkan oleh IIT melalui penghasilan terjemahan



MARIA



SALAH seorang panel memberi penerangan kepada ibu bapa yang terlibat.

buku asalnya ke dalam bahasa Melayu iaitu Hubungan Keibubapaan dan Anak-Anak panduan pengasuhan yang merangkumi tiga elemen asas modul yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran.

"Panduan pengasuhan ini diilhamkan daripada buku terjemahan yang kita hasilkan daripada buku asal bertajuk *Parents-Child Relations* yang ditulis oleh

tokoh pemikir terkemuka dari US.

"Modul yang dihasilkan pula memfokuskan kepada perkembangan anak-anak meliputi tiga pecahan elemen terdiri daripada Bab 1: Asas Keibubapaan, Bab 2: Perkembangan J.E.R.S.I Anak-Anak dan Bab 3: Pembinaan Karakter Positif Anak-Anak. Kesemua bab ini juga merupakan pengisian di dalam bengkel tersebut," katanya kepada

Wilayahku.

Menurut Maria, fokus utama membangunkan modul keibubapaan O.S.E.M adalah bagi membantu dan membangunkan kemahiran keibubapaan dalam perkara asas mengasuh anak-anak serta meningkatkan pengetahuan mengenai pasti karakter anak-anak.

"Kita sedar ibu bapa masa kini berdepan pelbagai cabaran dan halangan serta terikat dengan mitos-mitos kepada asas keibubapaan. Dengan adanya bengkel ini kita harap ia boleh menjadi asas pendidikan untuk mengeksplorasi dunia dan peranan keibubapaan terhadap anak-anak," katanya ini merupakan program sulung di lapangan dan rentetan daripada bengkel pertama yang pernah diadakan sebelum ini.

Terdahulu, seramai 50 orang peserta terdiri daripada ibu bapa yang hadir menyertai Bengkel Keibubapaan O.S.E.M bertempat di PREPKOM Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang pada

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

24 September lalu.

Turut hadir, Timbalan Pengarah IIT, Shahrin Kassim, Eksekutif Kanan Jabatan Pembangunan & Kesejahteraan Komuniti YWP, Nadiah Mohamed Ariffin. **WK**

Rapid Bus buka ruang masyarakat kenali sistem perkhidmatan pengangkutan

INISIATIF Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) menganjurkan Hari Terbuka Rapid Bus 2023 memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali lebih lanjut tentang perkhidmatan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas Rapid Kuala Lumpur (KL).

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus, **Muhammad Yazurin Sallij Muhammad Yasin**, berkata program ini merupakan acara julung kali diadakan oleh operator atau pengendali bas terbesar itu semenjak penubuhannya pada tahun 90-an.

"Tujuan program ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada pengunjung tentang pengangkutan awam Bas Rapid KL di mana banyak informasi yang boleh didapati antaranya lawatan ke depoh bas, forum, selain peluang mencuba sistem simulasi bas dan banyak lagi," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Rapid Bus 2023 di Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan pada Sabtu.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pengerusi Rapid Bus, Datuk Seri Mustafar Ali; Dekan Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Ts Dr Mohd Naz'ri Mahrin serta

barisan kepimpinan Kanan Kumpulan Prasarana.

Menurut Yazurin, hari terbuka tersebut juga merupakan acara kemuncak kepada pertandingan MyRapid Hack-Rapid Bus x Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Data Hackathon 2023 yang disertai oleh 33 kumpulan terdiri daripada 14 kumpulan sektor awam dan industri termasuk 19 kumpulan daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"Ia merupakan inisiatif hasil daripada Makmal Transformasi Rapid Bus yang bertujuan mengumpul para pembangun sistem atau penganalisa data di Malaysia.

Sementara itu, salah

seorang pengunjung, Norizan Mohd Yusof berkata dia teruja berpeluang melihat sistem perkhidmatan dan pengoperasian bas Rapid KL.

"Paling menarik, apabila anak-anak saya juga dapat mencuba sendiri sistem simulasi bas seolah-olah mereka sendiri yang membawa bas tersebut walaupun hakikatnya ia adalah satu sistem yang digunakan untuk melatih kapten-kapten bas," katanya.

Terdahulu, Hari Terbuka Rapid Bus 2023 yang diadakan selama dua hari pada 23 dan 24 September lalu berlangsung meriah dengan kehadiran orang ramai yang turut merebut peluang menggunakan perkhidmatan bas perantara percuma yang disediakan. **WK**



YAZURIN



PENGUNJUNG berpeluang mencuba sistem simulasi bas yang digunakan untuk melatih kapten bas pada Hari Terbuka Rapid Bus 2023.



NORAZIZUL (dua dari kiri) bersama Badarul Hisham (hujung kiri) dan Mohd Khairani (dua dari kanan) pada Program Gerak Rahmah 2023 baru-baru ini.

Program Gerak Rahmah 2023 dididik pelajar dan ibu bapa

SERAMAI 200 murid Sekolah Kebangsaan Jalan Sungai Besi (SKJSB) 1 beserta ibu bapa dan Ahli Jawatankuasa KRT Apartment 1 Razak Mansion menghadiri Program Gerak Rahmah 2023: Jom Gerak Muhibbah baru-baru ini.

Pengerusi Kelab Rukun Tetangga (KRT) Apartment 1 Razak Mansion yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion, **Norazizul Abdul Aziz** berkata program tersebut memberikan pendedahan dan manfaat akan kepentingan penjagaan kesihatan dengan amalan bersenam kepada semua peserta berkenaan.

"Program ini juga menekankan aspek peningkatan dan penjagaan kebersihan, keceriaan serta keselamatan selain penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan warga sekolah menerusi acara gotong-royong yang dijalankan.

"Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan

terima kasih kepada pihak pengurusan sekolah dan semua yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini," ujarnya selepas program tersebut.

Antara pengisian yang diadakan adalah majlis penyampaian sijil jaringan kerjasama antara pihak sekolah dan KRT Apartment 1 Razak Mansion, SW Corp dan Unit Selenggara Jabatan Kerja Raya (JKR) yang disempurnakan oleh Guru Besar SKJSB 1, Mohd Khairani Hassan.

"Pengisian lain yang turut diadakan pada program tersebut adalah acara gotong-royong sempena World Cleanup Day dan senamrobik yang dikendalikan oleh Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKJSB 1, Badarul Hisham Mohd Isa," katanya.

Terdahulu, Program Gerak Rahmah 2023: Jom Gerak Muhibbah merupakan anjuran Pengurusan SKJSB 1 Kuala Lumpur dengan kerjasama KRT Apartment 1 Razak Mansion. **WK**

WK2
Bil 230 . 29 SEPTEMBER - 5 OKTOBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Karnival
KOMUNITI
PESTA AIR
PUTRAJAYA 2023
ERAT HUBUNGAN MASYARAKAT



Foto: SYUQREE DAIN/WK



PRESIDEN PPJ, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud merasmikan Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2023 pada Sabtu.



MPPWP jambatan maklumat komuniti dan PPJ

Foto: SYUQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

PIHAK berkuasa tempatan (PBT) adalah badan yang ditubuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan. Walaupun institusi ini berada pada tingkat ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Negeri, peranan yang dimainkan amat penting dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, hubungan yang erat dan kukuh di antara PBT dan komuniti setempat amat diperlukan dalam memastikan segala permasalahan dan setiap maklumat dapat disampaikan terus serta diselesaikan dalam kadar yang segera sekali gus mewujudkan keharmonian dalam masyarakat.

Mengambil inisiatif dalam mengeratkan hubungan antara PBT dan komuniti, Perbadanan Putrajaya (PPJ) menganjurkan Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya (KKPAP 2023) yang menghimpunkan kesemua enam Sub Zon penduduk di pusat pentadbiran kerajaan.

Pengarah Perkhidmatan Komuniti

dan Sukan Perbadanan Putrajaya, **Ali Jusoh** berkata objektif penganjuran adalah menjadi wadah terbesar aktiviti masyarakat yang mengumpulkan semua komuniti Putrajaya melalui penyertaan aktif di dalam penganjuran KKPAP mahupun sebagai pengunjung.

"Ia juga bermatlamat untuk mengukuhkan interaksi sosial, memberikan dan mengetengahkan maklumat perkhidmatan PPJ melalui pameran yang disediakan, menyediakan pelbagai aktiviti atau pertandingan dan mengeratkan hubungan baik antara PPJ dan komuniti.

"Selain itu juga, ia turut mempromosikan Tasik Putrajaya sebagai lokasi utama bagi penganjuran sukan air di peringkat dalam serta luar negara dan menjadikan Putrajaya sebagai pusat kecemerlangan sukan yang berprestij tinggi," katanya kepada *Wilayahku* sejurus Majlis Perasmian KKPAP 2023 yang diadakan di Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya baru-baru ini.

Ali berkata tidak dinafikan pelbagai kelebihan diperoleh menerusi kerjasama rapat yang diadakan di antara PBT dan juga Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah

Persekutuan Putrajaya (MPPWP).

"Apabila kita mempunyai hubungan yang kukuh segala maklumat atau info kita hanya perlu disampaikan terus kepada MPPWP di mana mereka yang akan menjadi individu berperanan menyampaikan maklumat tersebut kepada komuniti sendiri.

"Apa juga bentuk bantuan serta maklumat akan disampaikan kepada wakil kami iaitu MPPWP. Jadi saya rasa

kerjasama baik ini wajar dipupuk dan dieratkan," ujarnya menerusi penganjuran acara berskala besar seperti karnival ini turut menjadi platform buat PPJ menambah bentuk kerjasama bersama agensi-agensi, sekolah-sekolah serta badan-badan swasta.

Berkongsi mengenai program lain yang akan diadakan bersama pihak MPPWP, Ali berkata PPJ sentiasa merangka kerjasama baharu dalam mengeratkan lagi hubungan dua hala tersebut.

"Selepas karnival ini kita akan adakan *team building* di antara pihak PPJ dan MPPWP bagi mengeratkan lagi hubungan seterusnya merangka perancangan dalam memastikan kita dapat membantu komuniti dengan



ALI JUSOH



AHMAD FAISAL

lebih baik pada masa akan datang.

"Selain itu, kita juga adakan sesi *townhall* bersama MPPWP di mana ia merupakan platform untuk mereka menyuarakan segala permasalahan atau bantuan yang diperlukan seterusnya menyusun strategi dalam memperkasakan lagi hubungan komuniti dan PBT," jelasnya perjumpaan bersama MPPWP juga sentiasa diadakan dari semasa ke semasa.

Mengulas lanjut mengenai KKPAP 2023, Ali berkata selaku penganjur pihaknya berpuas hati dengan sambutan menggalakkan yang diterima oleh komuniti setempat.

"Kita berjaya mengumpulkan warga komuniti Putrajaya dalam satu program kekeluargaan seperti ini, bagi saya ia merupakan satu pencapaian besar di mana kita juga berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 100,000 pengunjung dalam dan luar Putrajaya.

"Selepas ini, program komuniti seterusnya adalah Sambutan Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) pada 9 hingga 10 Disember 2023 yang akan menghimpunkan para penggemar buku bacaan dan

pelbagai aktiviti serta program pendidikan untuk komuniti bakal dilaksanakan," jelasnya beberapa

penambahbaikan akan dilakukan seperti penambahan aktiviti dan fasiliti untuk program akan datang.

Dalam pada itu, Pengerusi Zon MPPWP, **Datuk Ahmad Faisal Abdul Karim** berkata program besar-besaran seperti ini merupakan platform terbaik dalam mengukuhkan hubungan sama ada antara komuniti itu sendiri mahupun PBT.

"Di peringkat MPPWP, hubungan baik dengan PPJ amat diperlukan di mana setiap informasi dapat disalurkan terus kepada kami seterusnya komuniti dan dalam masa yang sama aspirasi kerajaan turut dihebahkan menerusi PBT jadi komunikasi serta interaksi antara PPJ dan MPPWP sangat diperlukan.

"Sepanjang kerjasama erat ini juga banyak masalah dapat diselesaikan dengan segera oleh pihak PPJ kerana segala permasalahan dapat dimaklumkan terus kepada mereka dan tindakan cepat dapat diambil," ujarnya MPPWP merupakan medium di antara komuniti dan juga PPJ. **WVK**



PENGUNJUNG juga berpeluang mencanting batik di reruai yang disediakan.



ORANG ramai mengambil kesempatan bergambar ketika mengunjungi KKPAP 2023.

Platform usahawan jana pendapatan



DALAM setiap acara berskala besar atau karnival pastinya vendor-vendor kecil akan dijemput untuk menjual dan mempromosikan hasil produk mereka sendiri dengan sejumlah bayaran dikenakan.

Terbaharu, kemeriahan Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya (KKPAP) 2023 yang mendapat kunjungan orang ramai ternyata banyak membantu meningkatkan hasil jualan setiap vendor dan pastinya memberi kepuasan kepada peniaga itu sendiri.

Kali kedua berpeluang menyertai karnival jualan, stokis Tudung Bychefiza, **Zaleha Ayob**, 36, bersyukur apabila kemeriahan yang diterima sepanjang tiga hari penganjuran karnival begitu luar biasa sekali gus membantu melonjakkan hasil perniagaannya serba sedikit.

"Dari hari pertama penganjuran, orang ramai sudah membanjiri kawasan ini bagi mengikuti setiap program yang dianjurkan.

"Secara tidak langsung, usahawan seperti kami menerima tempis di mana

hasil jualan saya sendiri juga sangat baik sepanjang karnival meskipun ini baru kali kedua menyertai vendor kecil seperti ini," ujarnya yang bersyukur apabila perniagaan tudungnya mendapat sambutan menggalakkan.

Berkongsi pandangan terhadap peluang usahawan menyertai karnival berkenaan, Zaleha berkata KKPAP 2023 merupakan platform terbaik buat peniaga kecil sepertinya mempromosikan produk jualan mereka.

"Sebelum ini saya banyak bergerak secara dalam talian namun kebanyakan pelanggan lebih memilih untuk datang ke kedai, lihat dan sentuh sendiri produk tersebut untuk kepuasan.

"Terima kasih kepada pihak Perbadanan Putrajaya (PP) di atas penganjuran program seperti ini dan diharapkan ia akan diteruskan pada masa akan datang memandangkan ramai peniaga-peniaga kecil yang baru menjinakkan diri ingin menceburi platform seperti ini," jelasnya yang akan menyertainya sekali lagi

sekiranya diadakan pada masa hadapan.

Turut berkongsi pendapat sama, usahawan batik, Nur Watie, 49, berkata selain mempromosi produknya, kelebihan menyertai vendor di bawah anjuran PPJ adalah kerana kawasan yang strategik.

"Kawasan Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya ini sangat luas dan penyusunan setiap reruai juga strategik, jadi tiada kedai yang terpinggir atau tidak dilalui oleh pengunjung.

"Meskipun lokasi reruai di merata tempat namun saya sendiri sebagai peniaga ingin tahu kedai apa yang diletakkan di bahagian belakang. Ia merupakan satu daya tarikan. Syabas dan tahniah kepada penganjur di atas penyusunan lokasi," ujarnya.

Dalam pada itu, Nur Watie berkata menyertai vendor juga secara tidak langsung melatih setiap usahawan untuk bersaing secara sihat dan berharap PPJ akan melakukan penambahbaikan antaranya memperbanyakkan tempat letak kereta. **WK**



Battle of Zapin angkat seni tari, tarik generasi muda

DALAM mengangkat seni tari zapin, Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya (KKPAP) 2023 dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah menganjurkan Pertandingan *Battle of Zapin* kategori terbuka dengan menampilkan sebanyak 32 kumpulan.

Timbalan Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Shahrizal Abdan** berkata pertandingan tersebut bertujuan menyemarakkan seni budaya terutamanya zapin kepada komuniti Putrajaya.

"Seperti kita ketahui, zapin amat sinonim dengan negeri Johor jadi kita mahu sebarakan kesenian negeri selatan tanah air itu ke luar. Ia juga sama seperti usaha kita menganjurkan program dikir utara di Kuala Lumpur di mana tujuan utama adalah untuk menarik minat generasi muda terhadap kesenian budaya Malaysia.



SHHRIZAL ABDAN

"Pelbagai kategori juga diadakan bermula daripada peringkat sekolah rendah, menengah dan terbuka di mana sambutan yang diterima juga amat menggalakkan. Menerusi pertandingan ini juga kita dapat lihat ramai generasi muda yang berbakat dan boleh digilap lagi.

"Di zaman teknologi kini, kita perlu bersaing dengan teknologi dalam menarik minat generasi muda ke arah seni budaya kerana mereka inilah merupakan pelapis di masa hadapan," ujarnya pihak MOTAC kini giat menganjurkan pelbagai aktiviti kesenian dalam melahirkan bakat baharu.

Shahrizal berkata pihaknya tidak hanya tertumpu kepada seni tari zapin sahaja, mereka juga turut menganjurkan festival budaya melibatkan dikir barat, seni tari dan banyak lagi.

"Baru-baru ini juga kita mengadakan pertandingan teater bahasa Melayu

di antara Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta program perantisan bagi mengangkat semula seni lama," jelasnya itu merupakan antara inisiatif MOTAC dalam menyemarakkan seni budaya dan juga menarik minat generasi muda untuk mengenali seni dan budaya Malaysia.

Dalam pada itu, Shahrizal berharap seni budaya ini sama ada daripada aspek tarian, permainan, teater dan lain-lain tidak akan ditelan zaman.

"Kami mahu menyemarakkan seni budaya supaya sentiasa ada pelapis di masa hadapan kerana ia juga melambangkan keperibadian masyarakat Malaysia.

"Ia juga diangkat berteraskan Malaysia Madani di mana fokus kita adalah kepada semua kaum dan juga melibatkan setiap budaya yang terdapat di negara ini," ujarnya penganjuran program seterusnya adalah Festival Budaya Putrajaya 2023 bertempat di Dataran Putrajaya pada 28 September sehingga 1 Oktober ini di mana pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung. **WK**



KANAK-KANAK yang hadir berpeluang belajar bermain alat perkusi.



PERTANDINGAN seni tari zapin turut diadakan bagi kategori sekolah menengah dan juga terbuka.



Mural estetik penuh sejarah di KL



SHUAIB AYOB

KREATIF dan penuh ekspresi! Melihat mural yang menghiasi dinding lorong, pastinya menambat mata-mata yang melihat. Hasil seni itu bukan sekadar contengan kosong tetapi setiap darinya mempunyai nilai estetik dan ceriteranya tersendiri.

Melalui jalan di sekitar Kuala Lumpur, lensa *Wilayahku* sempat membidik kamera merakamkan hasil kerja tangan pelukis berbakat yang menyerikan ruang-ruang kosong dinding di ibu kota.

Antara mural yang menjadi perhatian pelancong luar ketika berkunjung di Kuala Lumpur adalah wajah penyanyi terkenal negara pada era 1980-an iaitu Allahyarham Datuk Sudirman Haji Arshad bertempat di Jalan Chow Kit, dahulunya pernah menjadi sejarah dengan ribuan penonton menyaksikan konsert beliau secara percuma pada tahun 1986. Lukisan mural itu diabadikan sempena memperingati penghibur tanah air yang terkenal dengan lagu Chow Kit Road yang pernah menjadi fenomena suatu ketika dahulu.

Selain itu, turut menjadi tarikan pengunjung adalah lukisan dinding di sepanjang bangunan bersebelahan River Of Life,

berhampiran pertemuan dua Sungai Gombak dan Sungai Kelang di Masjid Jamek Kuala Lumpur. Penuh warna-warni dengan mural bertemakan sejarah. Jika sudah berada di sini, tidak lengkap kalau tidak berswafoto di tempat yang dipenuhi dengan mural klasik dan landskap hijau. Tidak kira pelancong dari dalam dan luar negara, ia pastinya lokasi wajib singgah!

Tidak ketinggalan, lukisan beridentitikan kehidupan sosial rakyat Malaysia, terlukis indah di sekitar Jalan Raja Chulan dengan ciri-ciri yang mengingatkan kita tentang kasih sayang, hormat-menghormati dan perpaduan di Malaysia. Bagi memperingati dan



MURAL Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman di Jalan Genting Klang, Jalan Bunga Raya Kuala Lumpur.



MURAL menggambarkan kehidupan rakyat Malaysia di dinding bersebelahan River Of Life.

mengenang jasa serta sumbangan pemimpin negara termasuk negarawan ulung negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj sebagai individu penting dalam perjuangan kemerdekaan negara, satu mural penuh dengan nilai sejarah dihasilkan memaparkan potret pemimpin di sepanjang Jalan Genting Klang, Jalan Bunga Raya. Mural di sekitar jalan itu juga dikatakan sebagai mural terpanjang

di negara ini, menampilkan lebih 80,000 cetakan tapak tangan rakyat Malaysia pelbagai latar belakang dan berjaya masuk ke dalam *Malaysia Book of Records*.

Kesimpulannya, setiap ruangan dinding yang kusam dan kotor di ibu kota boleh dijadikan sebagai satu medium seni grafiti ataupun mural yang mampu mengubah landskap pemandangan menjadi lebih indah dan penuh warna-warni. WK



MURAL bertema sejarah di bangunan bersebelahan River Of Life.



PENGUNJUNG bergambar berlatar belakang seni muzik masyarakat Tiong Hua.



PENGUNJUNG melintasi mural gergasi Julia Volchkova's Goldsmith di Jalan Panggung, Kuala Lumpur.



POTRET penyanyi terkenal era 80-an, Allahyarham Sudirman Haji Arshad di Jalan Chow Kit.

Dalia Farhana, Aziz Harun... Ada apa-apa ke?



DEEL ANJER

SEJAK berduet menerusi lagu Akhir Cerita, dikatakan **Dalia Farhana** dan **Aziz Harun** semakin rapat dan serasi bersama.

Ramai peminat mendoakan agar mereka menjadi pasangan kekasih dan seterusnya bertemu jodoh.

Walau bagaimanapun, Dalia nampaknya lebih selesa bercerita tentang kerjaya namun mengakui seronok bekerjasama dengan Aziz Harun.

Dalia Farhana, 25, atau nama sebenar Tengku Farhana Dalia Tengku Bahar Iskandar berkata satu penghormatan apabila dapat bekerjasama dengan Aziz.

"Projek lagu ini adalah pertama kali saya bekerjasama dengan Aziz dan sebenarnya saya sudah menjadi peminatnya. Jadi, ini adalah satu penghormatan apabila dapat bekerjasama dengan dia.

"Saya tidak sangka kali pertama kami berjumpa sudah boleh tulis lirik lagu bersama-sama.

"Itu adalah sesi yang sangat menarik kerana menulis lagu bersama orang lain, jadi saya banyak belajar daripada Aziz.

"Selain Aziz, saya berbangga dapat bekerjasama dengan Eugene

Lai dalam lagu ini. Sejujurnya senang bekerja dengan mereka walaupun baru kali pertama, saya sangat berterima kasih kerana mereka juga terbuka untuk menerima idea.

"Mereka juga banyak memberi pendapat dalam perbincangan dan usaha untuk menyiapkan lagu ini. Kami bukan sekadar bekerja tetapi berkarya bersama-sama," katanya.

Berkongsi lanjut, Dalia berkata bekerjasama dengan Aziz sangat mudah dan menyeronokkan.

"Bekerja dengan dia memang banyak ketawa lagi pula kami jenis orang yang susah serius. Apabila berbincang untuk menyiapkan lagu ini, sebenarnya kami sedang berbual dan daripada itu tercetus idea untuk jalan cerita.

"Alhamdulillah, sepanjang proses rakaman lagu Akhir Cerita ini semuanya berjalan lancar.

"Untuk rakaman muzik video juga, ia berjalan dengan baik dan berjaya disiapkan lebih awal daripada apa yang dirancangan. Semua orang memberikan kerjasama yang baik," katanya.

Sementara itu, Aziz Harun, 25, atau nama sebenar Abdul Aziz Harun mengakui rakan duetnya kali ini tepat dengan lagu yang dihasilkan.

"Lagu ini berentak *modern ballet* sesuai untuk kami yang selalu tulis

lagu sedih macam ni. Jadi untuk lagu ini memang kena dengan pasangan duet kali ini.

"Satu pengalaman yang menarik apabila dapat bekerjasama dengan Dalia. Walaupun *range* vokal kami berbeza tapi sebab Dalia pun terbuka, jadi kami cuba dan puas hati dengan hasilnya.

"Ini kali pertama kami bekerjasama selepas dah lama minat Dalia apabila dia 'cover' lagu. Dalam masa sama, dia pun banyak *single* berentak balada yang menyentuh hati," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Aziz turut berharap lagu Akhir Cerita dapat diterima baik pendengar dan pencinta muzik tanah air.

"Kelebihan lagu ini adalah senang untuk didengar dan boleh dengar di mana-mana dalam pelbagai situasi. Ia menyampaikan mesej untuk kuat dalam membuat keputusan demi kebaikan diri sendiri dan orang tersayang walaupun berat melepaskan.

"Lagu Akhir Cerita bagi saya adalah mengenai kesedaran untuk melepaskan

sesuatu atau seseorang yang kita sayang. Dalam lagu ini ada pesanan untuk melepaskan dengan ikhlas dan tetap

mendoakan walaupun pada akhirnya tetap perlu berpisah," ujarnya berharap lagu tersebut memberi semangat kepada mereka yang mendengar. **WK**



AZIZ HARUN

DALIA

"Apa yang Allah nak beri, Dia akan beri" — Siti Nurhaliza

PENYANYI nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza**, 44, mengakui reda jika suatu hari nanti Allah 'tarik' nikmat suaranya.

Ini adalah lanjutan dia mempunyai masalah peti suara yang berpanjangan terutamanya ketika merakamkan album solo yang ke-20 iaitu *Sitism*.

Siti mengalami masalah tekak apabila suaranya berubah menjadi serak dan kasar ketika menjalani proses rakaman album *Sitism* bermula pada Ramadan lalu dan mengambil masa yang lama untuk sembuh.

"Sampai satu tahap saya dah reda jika Allah SWT nak tarik sedikit bakat (suara) saya gara-gara mengalami masalah peti suara berpanjangan. Memang lama sangat nak pulih (suara) sehingga saya mengalami masalah sewaktu merakamkan album.

"Pada usia saya sekarang yang sudah menjangkau 40-an, suara saya nak kasar ke, serak ke, saya okey sahaja. Saya akan menyanyi ikut kemampuan dan sentiasa berfikir positif," ujarnya.

Siti juga pernah memohon doa di hadapan Kaabah sewaktu menunaikan umrah ketika Ramadan lalu agar diberikan kesembuhan segera.

"Sebagai penyanyi, suara adalah aset kita. Risau juga sebab banyak komitmen kerja. Saya pun sudah berjumpa pakar dan doktor. berkali-kali.

"Nak sihat sepenuhnya memang ambil masa yang lama juga. *Alhamdulillah* keadaan

saya kini beransur pulih dan saya bersyukur. Namun saya kena sentiasa beringat supaya menjaga kesihatan," ujarnya lagi.

Pada masa sama, Siti enggan memikirkan kata-kata netizen yang membandingkan suaranya yang dulu dan sekarang.

"Memang ada peminat bercakap tentang perubahan suara saya. Tapi saya sentiasa positif. Apa yang Allah nak beri, dia akan beri. Kalau Allah nak tarik (nikmat), dia akan tarik," ujarnya. **WK**



SITI NURHALIZA

Datuk Shake tunai janji buat peminat

PENYANYI **Datuk Shake** yang popular menerusi lagu Umi, Pulanglah dan Anugerah Dari Kegagalan, bakal mengubati kerinduan peminat dengan Konsert Datuk Shake Live At Zepp KL 2023 pada 16 Disember ini.

Bagi Shake atau nama sebenarnya, Sheikh Abdullah Sheikh Ahmad Bahwere, 73, kepulangannya menyantuni penggemar di bumi kelahiran tercinta adalah sebuah impian yang sudah dirancang sejak tahun 2020.

Justeru, sebaik dilamar mengadakan persembahan di Kuala Lumpur, Shake tidak mengambil masa untuk bersetuju.

"Janji pasti akan ditepati untuk peminat yang masih sayangkan saya. Pada tahun 2020, saya merancang untuk melakukan jelajah besar ke seluruh Malaysia dan Asia. Apa boleh buat, pandemik COVID-19 itu merosakkan rancangan semua orang termasuk saya.

"Kami penghibur memutuskan untuk bergerak ke hadapan dengan pertolongan dan kasih sayang Allah serta orang ramai. Nantikan untuk berjumpa anda tidak lama lagi Zepp KL!

"Tidak sabar untuk membuat persembahan di Zepp KL kerana banyak ulasan yang bagus tentang Zepp sebagai salah satu pentas terbaik," katanya penuh teruja.

Menurut penganjur konsert InTour Live Events, Shake akan mengadakan persembahan di Kuala Lumpur dengan merangkumkan perjalanan seninya yang berusia lebih empat dekad.

"Semua lagu terbaik dalam kerjaya muziknya akan dipersembahkan, iaitu lagu-lagu Melayu dan Perancis yang terkenal dan merupakan koleksi malar hijau kegemaran ramai dalam kalangan rakyat Malaysia dan luar negara," ujarnya.

Tambahnya, iMe Entertainment Group berharap Konsert Datuk Shake Zepp KL akan mengubat kerinduan peminat terhadap sang legenda kesayangan ramai itu. **WK**



DATUKSHAKE

KITAR
Peranti Lama, Nafas Baharu.

TAHUKAH ANDA?

Pemrosesan **e-waste** mengikut kaedah tidak sesuai boleh menyebabkan **masalah kesihatan dan pencemaran yang serius** kerana e-waste mengandungi beberapa bahan pencemar seperti **plumbum dan kadmium**.

Pastikan anda lupuskan peranti lama dengan betul agar alam sekitar terjaga.

Jom ikuti langkah yang lebih mesra alam dengan mengitar semula. Jayakan misi **KITAR** untuk masa depan yang lebih baik!

PCF'23 budaya perpaduan menerusi seni




DIANA AMIR

PENGUNJUNG bakal merasakan denyutan nadi kepelbagaian kesenian tempatan dalam Festival Budaya Putrajaya atau *Putrajaya Cultural Festival 2023 (PCF'23)* yang menjanjikan demonstrasi dan persembahan senibudaya berkonsepkan 'Perpaduan Menerusi Seni Budaya'.

Program yang bermula pada 28 September sehingga 1 Oktober 2023 mulai pukul 10 pagi hingga 11 malam diserikan dengan aktiviti jualan dan pameran serta demonstrasi seni. Jualan kuliner warisan negara, jualan di kawasan Putrajaya Coffee Republik dan pameran seni budaya.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), **Mohd Yusri Mohd Yusoff** matlamat utama penganjuran festival adalah untuk mendekatkan masyarakat umum dan antarabangsa dengan kegiatan seni budaya dan pelancongan Malaysia.

"Antara pengisian utama PCF'23 adalah Konsert Gala Malam Perasmian, Putrajaya Coffee Republik, Demonstrasi dan Jualan Makanan Warisan, Putrajaya Cultural Fun Run and Gathering 2023, Senamrobik@Festival Budaya Putrajaya, Pameran Budaya dan Perpaduan, Pencungkilan Bakat Seni



PELAN susur atur lokasi PCF'23 yang diadakan di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Budaya serta pelbagai lagi aktiviti menarik.

"Penganjur juga dijemput untuk menyaksikan persembahan khas bagi pengiktirafan *Malaysia Book of Records*, Konsert Mega Dikir Barat dan Paluan Rebana berskala pertama diiringi Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) pada Sabtu pukul 8.30 malam," ujarnya ia sekali gus mempromosi pelbagai produk pelancongan yang terdapat negara ini khususnya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Selain matlamat utama yang dinyatakan, Mohd Yusri berkata objektif penganjuran festival adalah untuk membudayakan perpaduan menerusi seni budaya di mana kepelbagaian aktiviti dan pengisian program berunsurkan seni budaya

dan warisan dapat mengukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa.

"Ia juga bagi mewujudkan satu program atau festival tahunan ataupun *signature* program yang boleh dijadualkan dan dipromosikan di luar negara untuk menarik pelancong dan menjadi destinasi tumpuan orang ramai setiap tahun.

"Menerusi penganjuran festival juga dapat memaksimumkan impak penganjuran termasuk penajaan ekonomi tempatan melalui kerjasama strategik dan perbelanjaan berhemah," jelasnya.

Menjadikan Putrajaya sebagai lokasi penganjuran festival, Mohd Yusri berkata antaranya adalah kerana kemudahan akses serta kepelbagaian lokasi menarik yang mampu membawa para pengunjung domestik dan

pelancong antarabangsa untuk hadir memeriahkan acara.

"Terdapat pelbagai destinasi percutian menarik yang boleh diterokai dan ideal untuk dilawati di Putrajaya.

"Ia juga amat bertepatan dan menyokong kepada matlamat menjadikan Putrajaya destinasi negara mesti dilawati yang menyediakan persekitaran pelancongan yang inklusif dan mampan dan mempamerkan kepelbagaian budaya Malaysia dan acara-acara berprestij sepanjang tahun," ujarnya.

Tambahnya, penganjuran Festival Budaya Putrajaya 2023 kali ini, Istana Budaya dan Perbadanan Putrajaya (PPJ) merupakan rakan strategik utama yang turut menayakan acara ini.

Mohd Yusri berkata orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan acara di mana seramai 100,000 pengunjung disasarkan sepanjang tiga hari festival berlangsung.

"Diharapkan menerusi penganjuran program ini dapat

meningkatkan semangat bersatu hati dan toleransi serta menyemai nilai-nilai murni dan budaya nilai tinggi dalam kalangan masyarakat Madani supaya lebih bersifat terbuka serta saling menghormati.

"Penganjuran festival ini juga adalah antara usaha dalam menjadikan sektor pelancongan dan seni budaya terus mekar, tidak hilang ditelan zaman seterusnya memperkenalkannya kepada generasi anak muda kini yang merupakan warisan serta pelapis bangsa," ujarnya. **WJK**



MOHD YUSRI



Coffee Republic 2023 kumpul para penggemar kopi

PROGRAM Festival Budaya Putrajaya atau *Putrajaya Culture Festival 2023 (PCF'23)* anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menawarkan pelbagai pengisian program yang menarik buat pengunjung.

Bertempat di Dataran Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPJ) yang merupakan rakan strategik bagi festival tersebut turut menyokong acara tersebut dengan menggalakkan pelbagai aktiviti sisipan sempena acara ini berlangsung selama empat hari dari Khamis hingga Ahad ini.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Korporat PPJ, **TPR Norzita Abdul Razak** antara program sisipan semasa Festival Budaya Putrajaya 2023 ini adalah Putrajaya Coffee Republic.

"Berkonsep *'alfresco dining kiosk'* dalam suasana santai, sebanyak 80 vendor kopi dan *desserts* akan berkampung di Putrajaya bagi memeriahkan acara yang julung kali diadakan ini.

"Aktiviti sisipan yang membawakan pelbagai hidangan kopi dan makanan dari seluruh negara dengan cita rasa tersendiri juga merupakan daya tarikan diharapkan menjadi *'pull crowder'* untuk memeriahkan lagi Festival Budaya Putrajaya 2023.

"Putrajaya Coffee Republic juga menyediakan gerai-gerai *'Hub Desserts'* iaitu mengumpulkan pengusaha kecil dan sederhana di ruangan Dessert Boutique of Putrajaya Coffee Republic," katanya.

Tambahnya, bagi menghidupkan lagi suasana dan kemeriahan di Coffee Republic aktiviti seperti Karaoke Day, Pertandingan Makan Burger 40 saat by GTR Burger, 1,000 aiskrim percuma dan banyak lagi. Manakala hari terakhir pada 1 Oktober pula akan ada persembahan oleh penyanyi tanah air.

"Edaran aiskrim dan burger percuma juga akan dibuat di sekitar kawasan Putrajaya Coffee Republic,"

katanya.

Norzita berkata bagi memeriahkan lagi Festival Budaya Putrajaya 2023, Program Cultural Fun Run and Gathering 2023 juga akan diadakan pada pagi 30 September melibatkan larian sejauh lima kilometer.

Larian yang mensasarkan penyertaan sekitar 500 orang itu ditutup dengan jumlah terkumpul sehingga 2,000 peserta. Tambahnya peserta yang hadir juga berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah bernilai RM5,000.

"Bagi memastikan program ini selari dengan tema kebudayaan dan perpaduan, maka peserta yang hadir perlu memakai Pakaian Tradisional Malaysia dan menariknya Pertandingan Pakaian Beragam Terbaik bertemakan Tradisional Malaysia turut diadakan.

"Selain itu, festival ini juga diserikan dengan Senamrobik@ Festival Budaya Putrajaya pada 1

Oktober 2023 bermula pukul 7.30 pagi," jelasnya.

Norzita berkata Festival Budaya Putrajaya 2023 secara langsung merupakan faktor *'spin off effect'* bagi sektor Pelancongan Putrajaya yang disasarkan menjadi destinasi negara yang mesti dilawati oleh para pelawat domestik dan pelancong asing.

"Sehingga bulan September, hasil input daripada penggiat industri Pelancongan Putrajaya, data terkumpul menunjukkan 12 juta pengunjung terdiri daripada pelawat domestik dan acara serta pelancong asing telah melawat Putrajaya. Diharapkan statistik pengunjung ke Putrajaya terus meningkat dengan acara-acara seperti Festival Budaya Putrajaya ini.

"Festival ini juga merupakan antara acara terbesar di Putrajaya pada tahun 2023, ini di mana kita mensasarkan seramai 100,000 pengunjung dari dalam dan luar negara," ujarnya. **WJK**



NORZITA



WILAYAHKU DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!



LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my | Wilayahku | @akhbarwilayahku | Wilayahku | WKTV

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000

BANNER TENGAH RM2,500

BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Jangan terpedaya perangkap penipuan

INGATAN demi ingatan telah diberi agar orang ramai jangan mudah terpedaya dengan tindak-tanduk sindiket penipuan dalam talian atau *online*, hingga tergelincir masuk dalam perangkap dipasang oleh *scammers*.

Pihak polis berterusan memberi peringatan. Melalui khutbah Jumaat di masjid dan surau Jumaat, khususnya di Wilayah Persekutuan, peringatan sama diberi. Khutbah Jumaat 22 September lalu membicarakan tajuk 'Awas Jerat Penipuan'. Ini menunjukkan seriusnya gejala penipuan *online* untuk diambil ingatan oleh jemaah.

Jika rajin meneliti laporan media, Adi percaya ramai sedar sudah banyak kes mangsa masuk jerat sindiket penipuan. Kerugian mencecah ratusan ribu, malah hingga jutaan ringgit. Sayang, itu masih tidak jadi pengajaran, tidak jadi iktibar. Ramai terus terpedaya.

Nasihat dan panduan polis untuk mengelakkan penipuan bagai tidak memberi kesan. Bagi Adi ini menyedihkan. Jika nasihat dan panduan polis diambil ingatan *Insyah-Allah* dapat menghindarkan diri daripada ditipu.

Penipuan *online* kini semakin menjadi-jadi. Hampir saban hari ada sahaja laporan media mengenai mangsa penipuan, baik di ibu kota atau merentas seluruh negara, melibatkan pelbagai kategori masyarakat.

Ada di antara yang terkena tipu bukan sembarangan kedudukannya. Misalnya doktor, peguam, jurutera atau golongan profesional lain. Sepatutnya secara logik mereka mampu berfikir untuk mengelak terkena tipu. Tetapi sebaliknya yang berlaku.

Biasanya setelah tertipu barulah yang terlibat terfikir membuat laporan polis. Tindakan ini sudah terlambat kerana wang sudah lesap. Bukan mudah memperolehnya kembali. Pihak polis akan cuba berusaha membantu tetapi hakikatnya bukan mudah mengesan penipu yang licik.



SELAIN panggilan telefon, pelbagai jenis penipuan lain dengan nama berlainan menjadi jerangkap yang sentiasa menanti mangsa. - Gambar hiasan

Apa pun bagi Adi usaha pihak polis ini wajar dipuji. Jika orang ramai mendengar nasihat dan mematuhi panduan, tidak mudah mereka terperangkap dengan kata-kata manis *scammers*. Hasilnya, kes penipuan bakal banyak berkurangan.

Menyentuh penipuan *online*, banyak kaedah digunakan oleh penipu. Yang biasa ialah melalui panggilan telefon, mendakwa daripada jabatan atau agensi kerajaan. Pemanggil mendakwa mangsa melakukan kesalahan jenayah. Kesalahan boleh diselesaikan dengan memindahkan wang ke dalam nombor akaun yang diberi oleh *scammers*.

Ada juga taktik menghantar kad jemputan kahwin dan meminta pengesahan kehadiran. Apabila pautan dibuka oleh mangsa, data peribadi mangsa termasuk akaun bank dapat diakses. Maka berceraillah duit daripada simpanan.

Sementara taktik ini masih diguna pakai dan ramai terjerat, pelbagai jenis penipuan lain

dengan pelbagai nama menjadi jerangkap yang sentiasa menganga menanti mangsa. Antaranya *Macau Scam*, *parcel scam*, *love scam*, *money game* dan skim cepat kaya. Malah ada juga penipuan yang kononnya pelaburan dalam bentuk syariah.

Kegiatan sindiket ini matlamatnya hanya satu iaitu menipu dan memperdaya orang ramai untuk mendapat wang secara tidak halal. Kerana itu amat dikesali dalam bab melibatkan syariah pun ada penipuan sedangkan diketahui menipu adalah berdosa.

Bagi Adi, penipuan syariah menganiaya umat Islam khususnya dengan menggunakan agama sebagai topeng. Orang ramai diperdaya menyertai pelaburan yang didakwa patuh syariah dengan pulangan menguntungkan sedangkan pelaburan itu tidak wujud.

Untuk meyakinkan umat Islam, dalam promosi mereka menggunakan gambar tokoh-tokoh agama terkenal atau selebriti untuk menunjukkan pelaburan itu dan wujud dan disokong ahli agama. Cara ini memang boleh menarik peminat tokoh agama atau selebriti berkaitan.

Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), dari 1 Januari hingga 11 Ogos 2023, sebanyak 216 kes penipuan 'patuh syariah' disiasat oleh PDRM melibatkan kerugian RM11,291,872.

Mengenai penipuan pelaburan lain, statistik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) menunjukkan bagi enam bulan pertama tahun 2023 sebanyak 1,160 aduan diterima. Ini satu lonjakan drastik kerana sepanjang tahun 2022 hanya 1,124 aduan diterima. Dengan senario ini, menjelang akhir tahun 2023 jumlah aduan dijangka jauh lebih tinggi berbanding tahun lalu.

Teliti pula statistik PDRM

berhubung kes penipuan dalam talian. Kes yang dilaporkan pada tahun lalu menurun kepada 20,041 kes berbanding 20,701 kes tahun 2021.

Sementara ini boleh dianggap sesuatu yang positif, malangnya daripada segi kerugian ia mencatat peningkatan. Artinya kes turun tetapi nilai rugi meningkat. Ini terbukti di mana kerugian RM684.5 juta dicatat tahun lalu berbanding hanya RM560.8 juta tahun 2021.

Malang sungguh nasib mereka yang terpedaya dengan kata-kata manis *scammers*. Tetapi lebih malang bagi yang gagal menjadikan musibah yang menimpa orang lain sebagai loceng amaran agar jangan sampai mereka juga menjadi mangsa.

Pada pandangan Adi, antara punca mangsa terjatuh ke dalam jurang penipuan ini ialah sikap panik sehingga tidak mampu berfikir dengan rasional, gagal menimbang mana yang betul mana yang menipu.

Bayangkan jika seseorang tiba-tiba menerima panggilan telefon kononnya daripada polis, Kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau agensi penguat kuasa yang lain. Tentu terkejut. Apabila pemanggil memaklumkan mangsa ada melakukan kesalahan, mangsa menggigil. Kerana tidak pernah menerima panggilan sedemikian, mangsa menyangka ia benar.

Kerana itu apabila *scammers* menawarkan penyelesaian masalah, mangsa cepat setuju tanpa usul periksa. Bermulalah nasib malang baginya. Biasanya mangsa diminta menyalurkan sejumlah wang tertentu. Maka keringlah simpanan yang ada.

Sepatutnya mangsa mengabaikan panggilan daripada orang tidak dikenali kerana itulah

nasihat polis. Tetapi kerana panik mereka tidak berbuat demikian. Mereka juga tidak tergerak membuat semakan dengan agensi penguat kuasa yang kononnya membuat panggilan.

Dalam hal ini, Adi puji sikap orang yang tidak melayan panggilan tidak dikenali. Pihak berkuasa hanya sekadar mampu memberi nasihat dan ingatan. Tetapi akhirnya mangsa yang menerima panggilan *scammers* akan menentukan nasib sendiri.

Oleh itu Adi berharap kita semua mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada pada setiap masa agar tidak menjadi mangsa. Sesungguhnya Adi mengingatkan diri sendiri dan orang ramai, terutama di Wilayah Persekutuan, agar terhindar daripada sebarang bentuk penipuan.

Berwaspadalah dengan panggilan yang meragukan serta tidak dikenali. Berwaspada juga dengan skim pelaburan dan peniagaan yang menjanjikan keuntungan luar biasa seperti yang banyak dipromosi di media sosial. Daripada segi logiknya pun sukar dipercayai kerana pelaburan sedikit menjanjikan pulangan berganda-ganda dalam jangka waktu singkat.

Justeru fikirilah dengan teliti. Pelaburan menjanjikan keuntungan cepat dan banyak tidak lain hanya bertujuan mengelirukan orang ramai. Orang lama tentu tidak lupa kisah pelaburan seperti 'Labu Peram' suatu ketika dahulu. Mula-mula nampak hebat. Tetapi akhirnya duit pelabur yang terperam!


Jika hendak melabur, pilihan pelaburan yang sah dan diluluskan oleh kerajaan. Tiada jalan singkat, tiada jalan mudah untuk kaya. Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

Adi—Simpati kepada mangsa tipu

Adi Teah

RAGAM KOTA

F#minor



Sajak

SEDIH YANG PULANG

Sedih pulang ke sanubari dan mengunyah segala duka menyebarkan tangisan

Air mata meleraikan segala nestapa yang cuba disembunyikan

Sanubari yang terbakar menjadi debu-debu hitam berterbangan dan enap ke air mata yang tumpah membeku enapkan kepiluan

ISMAIL HASHIM
Warisan Puteri,
Negeri Sembilan.

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com



KHAIRUL IDIN

Kes penipuan dalam talian di WP catat penurunan 28 peratus

KADAR kes penipuan dalam talian di Wilayah Persekutuan mencatatkan penurunan menerusi pelaksanaan Program Jom Bijak Internet (JBI) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pengarah SKMM Wilayah Persekutuan, **Alyas Roy Amir** berkata kes penipuan dalam talian bagi tahun ini mencatatkan penurunan kes sebanyak 28 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Menerusi penganjuran program itu dapat memberi manfaat dan kesedaran kepada masyarakat mengenai teknik dan ancaman scammer. Dalam masa yang sama, memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai modus operandi yang digunakan oleh scammer untuk memperdayakan mangsa.

"Paling mustahak, program ini juga telah berjaya menurunkan kes penipuan dalam talian di Wilayah Persekutuan dan turut berharap memberi kesan penurunan di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jom Bijak Internet

Siri Tiga di Sekolah Kebangsaan Patau-Patau, Sabtu lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya akan memperkasakan Program JBI dan beberapa program lain kepada masyarakat untuk mendidik dan memberi pengetahuan mengenai manfaat menggunakan Internet dengan bijak.

"Selain pendedahan manfaat penggunaan Internet dengan bijak kita juga menerangkan kepada masyarakat tentang kesedaran penggunaan Internet secara salah agar mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian.

"Kita turut memberikan ilmu kepada masyarakat mengenai cara-cara meningkatkan kehidupan menerusi platform digital," katanya lagi.

Terdahulu, dalam program tersebut pelbagai aktiviti turut diadakan seperti pertandingan mewarna kanak-kanak, Ceramah Jenayah Siber dan Kuiz MyCyberGenious. **WK**



ALYAS ROY (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil jabatan kerajaan pada Program JBI di Sekolah Kebangsaan Patau-Patau, baru-baru ini.



PARA peserta bergambar selepas Kejuhanan Tarik Tali Borneo baru-baru ini.

Pasukan Bumi Kenyalang unggul Kejuhanan Tarik Tali Borneo

MESKIPUN berdepan cabaran hujan, pasukan Double Nine Chainblock dari Limbang Sarawak berjaya mengungguli Kejuhanan Tarik Tali Borneo yang berlangsung baru-baru ini.

Pasukan itu menjadi juara selepas berjaya menewaskan pasukan Apachee dari Labuan pada perlawanan tambahan selepas kedua-dua pasukan itu memungut mata yang sama dalam liga.

Dengan kemenangan itu pasukan tersebut berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM6,000.

Sementara itu, pasukan Apachee memperoleh naib juara dengan menerima hadiah wang tunai RM3,000.

Manakala, pasukan Pahlawan dari Limbang Sarawak dan Ragum dari Beaufort Sabah, masing-masing berada di tempat ketiga dan menerima hadiah RM1,000.

Kejuhanan dianjurkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan Persatuan Tarik Tali Labuan dan menampilkan hampir 10 pasukan dari Borneo iaitu Labuan, Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Samsudin Sidek.

Hadir sama, Pengerusi MPP Zon Labuan, S. Roslee Matusin. **WK**

KPDN anjur 6 Hours Challenge galak, budaya penggunaan e-wallet

BAGI menggalakkan ekosistem masyarakat tanpa tunai, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menganjurkan program 6 Hours Challenge melalui inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDi), baru-baru ini.

Menurut Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan KPDN, **Datuk Rohaizi Bahari**, program itu bertujuan untuk membudayakan advokasi digital melalui konsep *public to public awareness*.

Katanya, selain itu program itu juga mampu meningkatkan keyakinan para peniaga untuk berdaftar dengan penyediaan

e-wallet.

"Secara tak langsung Program 6 Hours Challenge melalui inisiatif ReDi ini berupaya mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*)," katanya selepas sesi pelepasan para peserta 6 Hours Challenge Siri 1/2023, baru-baru ini.


Program tersebut disertai 16 buah pasukan yang terdiri daripada kakitangan KPDN di seluruh negeri yang ditugaskan mencari peniaga berdaftar *e-wallet Touch 'n Go* dalam masa enam jam.

Selain itu, setiap kumpulan perlu membuat sebuah video pendek rumusan pengalaman melaksanakan advokasi. **WK**



PASUKAN KPDN Labuan berjaya mendapatkan seorang peniaga untuk berdaftar onboarding e-wallet Touch 'n Go.

PERADUAN MEWARNA PM230



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM230".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 7 OKTOBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 232.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK230



MELINTANG

3. Serangga yang hinggap pada benda kotor
5. Binatang besar berkaki empat yang dipelihara untuk pengangkutan
6. Serangga kecil bersayap dua dan menghisap darah
8. Binatang buas
10. Berdarah sejuk dan hidup di dalam air

KE BAWAH

1. Binatang yang hampir sama dengan kera
2. Sejenis mamalia
4. Reptilia besar berkulit tebal dan hidup di air
7. Binatang yang mempunyai paruh dan boleh terbang
9. Binatang yang lebih kecil daripada angsa

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK230".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 7 OKTOBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 232.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.


KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 228

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM228:

NUR ARISSA INSYIRAH BT MOHD HAFIZUL
(9 tahun)
Presint 17, Putrajaya

SAFIYYAH RAIHANAH BT MOHD RIDZUAN
(9 tahun)
Setia Eco Glades, Cyberjaya

DHIYA MEDINA BT KHAIRUL FATA
(6 tahun)
Presint 17, Putrajaya



SAFIYYAH


DHIYA

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan TeKa Silang Kata SK228:

ABDUL WAHID BIN FAUZI
(40 tahun)
Presint 17, Putrajaya

NUR FATIN BT NIK HASSAN
(24 tahun)
Presint 11, Putrajaya

HALIMATUN SADDIAH BT OMAR
(27 tahun)
Bukit Changgang, Banting



WAHID



FATIN



HALIMATUN

RIVER PARK

BANGSAR SOUTH

Kediaman Anda. Kehidupan Anda. Gaya Anda.

- A** Berhampiran Dengan Mid Valley City
- B** Akses Mudah Melalui Lebuhraya Persekutuan/NPE
- C** 300 m ke Stesen KTM

Pelancaran Baharu Kondominium Kediaman

Harga Daripada
RM600 ribu*

*Tertakluk pada Terma dan Syarat



800 m
ke Stesen
Baharu MRT 3



Imbas untuk eBrosur



Fasiliti Eksklusif

Separa Berperabot

812 – 1,180 kps (2-3 Bilik Tidur)

2 Tempat Letak Kereta



Dibuka Setiap Hari: 10 pagi – 6 petang

River Park Sales Gallery

Lot 34, Jalan Robson Heights, 50460, Kuala Lumpur

Pemaju: Kumpulan Gapadu Sdn. Bhd. 199601000702 (373047-V)

MALTON

T 011 2800 2888

W riverpark.com.my

E marketing@malton.com.my

Media Sosial



maltonberhad

Pemaju: Kumpulan Gapadu Sdn. Bhd. (199601000702) • Alamat: Tingkat 19, Pavilion Tower, No.75, Jalan Raja Chulan, 50200, Kuala Lumpur, Malaysia. Lesen Pemaju: 14075/02-2024/0147(A) • Tempoh Sah: 25/02/2022 – 24/02/2024 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan Blok A dan Blok C: 14035-4/02-2024/0147(A)-(S) • Tempoh Sah: 25/02/2022 – 24/02/2024 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) • No. Kelulusan Pelan Bangunan: BP S/ OSC 2021 0590 • Pegangan Tanah: Pajakan, Tempoh Pajakan: 99 tahun (Tamat: 28 Julai 2118) • Jenis Kediaman: Kondominium: Blok A (440 unit) dan Blok C (440 unit) • Harga Jualan: Blok A (Min.) RM 720,000 - (Maks.) RM 1,226,400 dan Blok C (Min.) RM 744,000 - (Maks.) RM 1,246,800 • Diskaun Bumiputra: 5% • Bebanan Tanah: AmBank (M) Berhad • Tarikh Dijangka Siap: September 2026 • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA. Penafian: Maklumat kekal sebagai hak mutlak Kumpulan Gapadu Sdn. Bhd. Semua gambaran adalah lakaran artis sahaja. Sebarang penyalinan atau penggunaan kandungan tanpa kebenaran daripada pemilik akan dianggap sebagai pelanggaran hak cipta.



ANJUNG selera di seluruh negara bakal berwajah baharu.



ANWAR melancarkan Program Lestari Niaga@Medan Selera Madani di Kompleks Tun Sambanthan, KL.

Inisiatif Gerai Madani lonjak semangat, perkasa peniaga kecil seluruh negara

AZLAN ZAMBRY

GERAI dan warung-warung yang berselerakan di seluruh pelosok negara merupakan antara pusat pertemuan dan sosial rakyat berpendapatan rendah B40. Di situlah juga lokasi untuk rehat setelah seharian bekerja dan tidak terlepas menjadi tempat perbincangan dek kerana lokasinya yang mudah diakses selain menyajikan hidangan yang memenuhi citarasa selain harga yang murah.

Lambakan gerai dan warung khusus di Kuala Lumpur tanpa selenggara serta dalam keadaan yang tidak teratur menyebabkan imej bandar raya Kuala Lumpur sedikit tercalar. Bahkan satu ketika dahulu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sering melaksanakan operasi bagi mengatasi masalah gerai dan warung haram yang ditafsirkan sebagai perbuatan kejam untuk mengusir golongan peniaga mencari rezeki.

Itulah antara asam garam kehidupan di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur. Meskipun ada tindakan penguatkuasaan dijalankan, namun masih ada budi bicara yang kadangkala disalah erti menjadi masalah kepada DBKL.

Apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau menekankan tentang kepentingan menjaga sosioekonomi golongan B40 yang terus berjuang untuk iktihar hidup dengan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Beliau dengan tegas tidak mahu Kuala Lumpur ini dipadatkan lagi dengan pembangunan gedung-gedung mewah yang akhirnya meminggirkan golongan B40.

Anwar berulang kali menegaskan bahawa perkara utama yang menjadi fokus utama beliau adalah untuk

membangun dan mengindahkan gerai-gerai dan warung-warung ini agar ia dapat memberi wajah baharu untuk ibu kota dan pada masa sama dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk berkunjung ke gerai tersebut.

Perdana Menteri telah memperuntukkan RM50 juta yang diumumkan menerusi Belanjawan 2023 dilihat cukup untuk kerja menaik taraf gerai untuk meningkatkan keselesaan namun ia bukan bagi pembinaan baharu. Kira-kira 3,000 gerai dan kios telah disasarkan sebagai kemudahan peniaga kecil berniaga di lokasi tumpuan seluruh negara akan mendapat sentuhan baharu. Ia merupakan usaha dalam mewujudkan persekitaran baharu untuk gerai peniaga kecil dan peniaga di seluruh negara kepada infrastruktur yang lebih selesa, indah dan bersih dalam tempoh sekurang-kurangnya satu hingga dua tahun ini.

Bagi memenuhi hasrat tersebut, beliau mahu melihat semua pihak termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara mewujudkan pelan tindakan untuk mengangkat darjat dan memberi penghormatan serta ihsan kepada golongan berpendapatan kecil, khususnya peniaga yang sebelum ini bergelut dengan masalah

kewangan dan tabungan yang sangat meruncing ekoran pandemik COVID-19.

Sejajar dengan inisiatif Gerai Madani, DBKL telah merancang untuk menaik taraf dan membaik pulih kira-kira 83 pusat peniaga di seluruh Kuala Lumpur sebagai menyahut seruan Perdana Menteri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menyediakan infrastruktur yang berkualiti bagi memudahkan golongan ini mencari

rezeki.

Mengulas mengenai perkara ini, Presiden Persatuan Peniaga Dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Datuk Seri Rosli Sulaiman** menyifatkan tindakan Perdana Menteri memberi perhatian secara langsung mengenai kelangsungan hidup komuniti peniaga dan peniaga kecil sememangnya menyentuh hati lebih-lebih lagi tatkala beliau menzahirkan harapan untuk melihat golongan ini diberi bantuan dengan penyediaan prasarana dan infrastruktur lengkap bagi memberikan keselesaan untuk berniaga.

Katanya, kebanyakan peniaga ini adalah Bumiputera yang berusaha sendiri namun pada masa sama kehadiran mereka ini mestilah dibantu sekali gus ia dapat menaik taraf kehidupan warga ini.

"Sebenarnya pengumuman peruntukan RM50 juta yang diberikan itu bukanlah hanya untuk Kuala Lumpur sahaja, tetapi ia untuk setiap negeri, jadi pengagihan itu melibatkan sebilangan peniaga yang berniaga di premis atau kios milik PBT di seluruh negara.

"Walau bagaimanapun, ia jelas membuktikan bahawa Perdana Menteri memang memberi perhatian khusus terhadap kesulitan yang dialami warga peniaga kerana kebiasaannya mereka mengalami masalah yang sama termasuklah premis usang dan rosak dan beliau telah menambah peruntukan RM10 juta lagi untuk kerja-kerja berkaitan," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menjelas lanjut, Rosli berkata inisiatif yang dilaksanakan ini bertujuan meningkatkan motivasi kepada para peniaga agar mereka dapat berniaga dengan lebih baik setelah gerai atau kios dinaik taraf.

"Kalau dilihat daripada gerai dan kios ini, kebanyakannya ada yang sudah uzur dan usang, malah ia menjadi sarang pembiakan tikus yang berpotensi menyebarkan

wabak penyakit.

"Dengan program naik taraf ini, ia akan menarik minat pengunjung dan besar harapan kami untuk melihat warga peniaga ini dapat memperbaiki kehidupan selepas impak pandemik COVID-19 yang masih lagi dirasai sehingga kini," katanya.

Tambahnya, mewakili persatuan yang menjadi lidah untuk peniaga, pihaknya berhasrat agar kerajaan dapat memberikan perhatian terhadap isu berbangkit termasuklah peniaga warga asing yang dilihat menguasai pasaran tempatan sehingga menyebabkan pendapatan mereka berkurangan.

Sementara itu, **Mohd Azman Kastumi**, 59, yang telah menjaja lebih 20 tahun di Pusat Peniaga Madani, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) mengakui wujudnya perbezaan ketika berniaga di lokasi yang sama sejak mewarisi perniagaan daripada ibunya.

"Saya mula membantu ibu sejak tahun 1970-an lagi di kawasan ini. Sememangnya dahulu berniaga dalam keadaan yang agak sukar kerana gerai agak daif dan keadaannya pula panas.

"Kemudian apabila saya menyambung perniagaan setelah

ibu meninggal dunia, keadaannya tidak banyak berubah seinggalah apabila dimaklumkan kawasan ini akan dinaik taraf, maka saya dapat melihat banyak perbezaan," katanya.

Dia yang menjalankan perniagaan menjual nasi lemak serta lauk pauk berkata proses naik taraf ini telah menceriaikan kawasan tersebut dan orang ramai mulai berkunjung setelah ia dilawati Perdana Menteri.

"Saya dapati selain daripada pelanggan tetap, pusat peniaga ini kini turut menerima ramai pengunjung lain dan saya dapat lihat wajah yang berlainan setiap hari. Ia sekali gus membantu meningkatkan pendapatan peniaga kecil dan menyuntik semangat untuk kami berniaga," katanya.

Mohd Azman turut menzahirkan harapan agar keaslian dan keceriaan kawasan ini dapat dikekalkan memandangkan tapak ini telah lama wujud dan mempunyai pelanggan tetap di sini.

"Yang paling utama saya berdoa agar kami semua tidak dipindahkan lebih-lebih lagi ke dalam bangunan bertingkat kerana tidak ramai yang mahu menaiki tangga apatah lagi berjalan jauh untuk menjamu selera," katanya. **WVK**



ROSLI



AZMAN



GERAI yang lebih bersih dan selesa mampu menarik lebih ramai pelanggan.

Azza impi harum sepak takraw Malaysia di persada antarabangsa

SABRINA SABRE

MEMASANG impian untuk bergelar atlet negara suatu hari nanti, atlet Wilayah Persekutuan, **Azza Harniza Bashardin** giat berusaha ke arah tersebut untuk mencipta kemenangan sekali gus menentukan arah tuju kejayaannya dalam sukan sepak takraw.

Menurut atlet berusia 20 tahun ini, meskipun terdapat banyak cabaran dan persaingan, namun tidak salah sekiranya para atlet bersaing secara sihat dan menjadikannya sebagai salah satu kayu pengukur kejayaan diri sendiri.



AZZA

Mula aktif dalam sukan sepak takraw sejak berumur lima tahun, atlet muda ini mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya kelak.

“Bagi saya, para atlet wajib melakukan senaman fizikal kerana ia adalah faktor utama dalam menentukan kejayaan sebahagian besar atlet, justeru program yang tepat amat diperlukan oleh setiap



AKSI Azza (tengah) dalam Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan pada tahun 2022.

ahli sukan untuk memastikan mereka dapat berada dalam keadaan terbaik apabila menyertai sesuatu pertandingan.

“Di samping itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting. Saya perlu bersedia memberi 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan

sebarang kecederaan,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menanam impian untuk beraksi pada kejohanan di luar negara suatu hari nanti, atlet muda ini berkata dia berhasrat untuk mencuba sehabis baik sehingga berjaya.

Seperti semua pemain sepak takraw lain, anak bongsu daripada

lima orang adik-beradik ini turut mendambakan status sebagai pemain nombor satu dunia kelak.

Bagaimanapun, Azza Harniza mahu bersikap realistik apabila menegaskan dia memerlukan tempoh tiga hingga empat tahun bagi menjadikan permainannya lebih stabil dan konsisten terlebih

Pencapaian Azza Harniza

2023 - Kejohanan Sepak Takraw Kebangsaan - **Emas**

2022 - Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan - **Tempat ketiga**

2022 - Kejohanan Sepak Takraw Piala Presiden PERSEWIP - **Tempat ketiga**

2021 - Kejohanan Sepak Takraw PERSEWIP - **Emas**

dahulu sebelum boleh memikirkan mengenai status berkenaan.

“Saya bersyukur kerana mendapat sokongan penuh daripada keluarga dan rakan-rakan yang pasti akan bangga dengan pencapaian saya dalam arena sukan ini sedikit masa lagi.

“Harapan saya dalam sukan sepak takraw ini sangat tinggi kerana saya mahu pergi ke tahap yang boleh membanggakan negara bukan sahaja hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa,” ujar atlet kelahiran Kuala Lumpur ini. **WK**

PLBM anjur Liga Boling Padang Kebangsaan pada tahun depan

PERSEKUTUAN Lawn Bowls Malaysia (PLBM) akan menganjurkan Kejohanan Liga Boling Padang Malaysia pada tahun depan.

Presiden PLBM, **Datuk Awalan Abdul Aziz** berkata kejohanan yang julung kali diadakan itu akan berlangsung di lima zon seluruh negara iaitu utara, selatan, tengah, pantai timur dan Sabah/Sarawak.

“Selain memberi lebih banyak pendedahan kepada pemain kebangsaan untuk bermain, kejohanan ini akan menjadi platform bagi meneroka bakat baharu

sukan boling padang dari seluruh negara,” katanya pada sidang media baru-baru ini.

Beliau turut mengumumkan bahawa PLBM akan menghantar Mohd Idham Amin Ramlan sebagai wakil perseorangan lelaki dan Aleena Ahmad Nawawi, yang merupakan juara dunia *pairs* wanita pada Kejohanan Boling Padang Wanita 2023 bersama Nur Ain Nabilah Tarmizi, ke Scotland Disember ini untuk menyertai Kejohanan Remaja Dunia 2023.

Katanya Mohd Idham dan Aleena masing-masing akan menyertai acara

perseorangan selain bergandingan dalam *pairs* campuran.

Awalan berkata gandingan Aleena-Nur Ain Nabilah dan pemenang gangsa *pairs* lelaki kejohanan dunia Izzat Shameer Dzulkeple-Mohd Soufi Rusli serta pemenang gangsa perseorangan wanita World Singles Champion of Champions, Nurul Alyani Jamil, menerima pakej umrah tajaan Affin Bank berjumlah RM20,000.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negara atas sokongan dan bantuan sehingga menyaksikan skuad

kebangsaan berjaya menyinar pada Kejohanan Boling Padang Dunia 2023 dan Kejohanan World Singles Champion of Champions.

Baru-baru ini, Aleena-Nur Ain Nabilah mencipta sensasi apabila menamatkan kemarau 15 tahun tanpa pingat emas buat Malaysia

selepas menewaskan wakil Malta, Rebecca Rixon-Connie Rixon, 15-12, pada aksi final di Gold Coast, Australia.

Kali terakhir Malaysia memenangi emas ialah menerusi Safuan Said yang menjuarai perseorangan lelaki pada edisi 2008. - **BERNAMA**



AWALAN (kanan) menyampaikan pakej umrah tajaan Affin Bank berjumlah RM20,000 kepada Aleena, Nur Ain Nabilah, Izzat Shameer, Mohd Soufi dan Nurul Alyani. - Foto: Facebook Malaysia Lawn Bowls Federation





PARA pelajar yang menyertai Program Bermalam di Muzium Negara pada 22 dan 23 September 2023 sedang menjalani aktiviti explore sekali gus melawat setiap ruang pameran.

Program Bermalam di Muzium Negara 2023 ubah stigma masyarakat

HAZIRAH HALIM

INISIATIF Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Negara menganjurkan Program Bermalam di Muzium Negara dilihat membantu mengubah stigma dan persepsi masyarakat bahawa muzium adalah lokasi yang menyeramkan dan membosankan.

Salah seorang guru yang mengikuti program tersebut, **Mohd Faizul Azli Abdul Mudzafar** berkata program bermalam sememangnya memberi banyak manfaat khususnya kepada pelajar sekolah.

"Program seperti ini wajar dimanfaatkan oleh semua

masyarakat terutama generasi muda kerana ia mempunyai pelbagai input berguna tidak kira dari aspek kecergasan fizikal, mental, kreativiti bahkan pengetahuan dan pendidikan juga.



MOHD FAIZUL

"Di sinilah tempat untuk m e m p e l a j a r i banyak ilmu sejarah bukan sahaja berkaitan Malaysia tetapi sejarah dunia kerana banyak informasi yang boleh didapati

dan difahami dengan lebih jelas berdasarkan gambar dan maklumat.

"Selain itu, mereka juga dapat beramah mesra dengan kenalan baharu dan mempelajari banyak

ilmu pengetahuan berkaitan sejarah lampau dan terkini dengan lebih jelas," ujar guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Tembak ini.

Jelasnya lagi, perkara tersebut secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada pemahaman pelajar terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku termasuk mengurangkan jurang di antara masyarakat dan Muzium Negara.

"Saya harap generasi muda tidak kira pelajar sekolah dan universiti dan semua masyarakat memanfaatkan muzium di seluruh negeri di Malaysia sebagai pusat informasi pendidikan dan penyelidikan ilmiah," katanya.



SITI ZAITUN

Berkongsi pandangan tentang program, Mohd Faizul berkata ini merupakan pengalaman pertamanya bermalam di Muzium Negara dan semestinya tidak akan dilupakan.

Turut berpandangan sama, guru di Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Siti Zaitun Mohd Yusof** berkata dia sangat teruja apabila berpeluang bermalam di Muzium Negara bersama pelajarannya.

"Perkara ini tidak pernah terlintas di fikiran dan pengalaman ini sangat menyeronokkan kerana banyak aktiviti yang boleh dilakukan khususnya untuk perkembangan minda dan pengetahuan pelajar.

"Saya harap semua yang terlibat akan mempelajari sesuatu di samping menyemai rasa patriotisme

dan semangat perpaduan dalam diri masing-masing," katanya yang juga merupakan salah seorang fasilitator program tersebut.

Terdahulu, Program Bermalam di Muzium Negara 2023 disertai oleh 200 pelajar sekolah menengah berusia 13 hingga 17 tahun dengan pelbagai pengisian aktiviti menarik.

Program anjuran Jabatan Muzium Malaysia tersebut menerima penyertaan 1,551 pelajar sekolah menengah di seluruh negara dan dianjurkan serentak di 25 muzium iaitu muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium institusi selepas tiga tahun d i h e n t i k a n s u s u l a n p a n d e m i k COVID-19. **WK**

'Gembirakan ibu, jangan biar dia sedih' - Khai Bahar

DEEL ANJER

KESIBUKAN karier sebagai penyanyi popular tidak membataskan **Khai Bahar** berulang-alik ke kampungnya di Perlis untuk menjenguk keadaan ibunya, Rosnah Mohd yang kini menderita penyakit buah pinggang tahap empat.

Disebabkan itu, ingatan ibunya kadangkala terganggu gara-gara penyakit tersebut.

Menurut pelantun lagu Bayang dan Luluh ini, adakalanya ibunya mengalami lupa ingatan dan tidak mengenali anaknya sendiri.

"Saya diberitahu doktor

keadaan itu boleh berlaku kepada pesakit buah pinggang. Sebab itu, ada ketika, dia masih bertanya bila saya akan pulang menjenguk dia meskipun saya berada betul-betul di sebelahnya.

"Saya terima keadaannya begitu. Sekarang ini, kami adik-beradik berusaha untuk sentiasa menggembirakan dia, jangan bagi dia sedih," katanya.

Dalam masa yang sama, Khai sentiasa berusaha mencari masa dan mempertimbangkan tawaran kerja yang memerlukan komitmen untuk tempoh yang lama. Ia bagi memudahkannya meluangkan masa bersama ratunya itu.

"Kesihatan ibu saya yang tidak menentu amat merisaukan. Sebab itu setiap kali bercuti saya akan pulang ke kampung untuk menjenguk dia. Keadaannya ada masa okey, ada kalanya tidak. Kadang-kadang terpaksa keluar masuk hospital kerana mengalami sesak nafas.

"Sebab itu saya akan terus balik ke kampung, batalkan show atau tinggalkan urusan di Kuala Lumpur kalau dia masuk hospital. Saya rindukan ibu yang dahulu. Ketika sihat, dia rajin mengemas rumah, masak dan melakukan kerja-kerja harian. Sukar untuk saya terima keadaan

dia sekarang," katanya pada pelancaran *single* terbarunya bersama Adira Suhaimi, Pejam.

Bercakap tentang lagu Pejam, impiannya untuk berduet dengan Adira akhirnya tercapai.

"Saya memang berkeinginan untuk berduet dengan Adira kerana sebelum ini saya selalu menyanyikan lagu Ombak Rindu. Saya teruja kerana impian saya untuk berduet dengannya tercapai," ujarnya.

Pejam boleh didengari di semua platform digital selain video muziknya boleh ditonton di saluran Youtube, Nova Music Videos. **WK**



KHAI/BAHAR